

PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI KEMERDEKAAN REPUBLIK KESATUAN MYANMAR

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 Januari.
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Chairman of the State Security and Peace Commission, Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Senior General Min Aung Hlaing dan juga rakyat Republik Kesatuan Myanmar bersempena dengan Hari Kemerdekaan Republik Kesatuan Myanmar yang Ke-78 Tahun.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Chairman of the State Security and Peace Commission, Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Senior General Min Aung Hlaing.



Meningkatkan kecekapan perkhidmatan, memperkukuh inovasi sektor pos

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah
Haji Awang Sulaiman

BERAKAS, Sabtu, 3 Januari. – Syarikat PosBru Sdn. Bhd. (PosBru) menandakan satu pencapaian penting dalam proses pengkorporatan perkhidmatan pos di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan berlangsungnya Majlis Soft Launch yang diadakan di Pusat Memproses Mel, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis berkenaan, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, selaku Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah PosBru.

Tetamu kehormat majlis dalam ucapannya antara lain menekankan komitmen PosBru untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan serta memperkukuh inovasi dalam sektor pos bagi memenuhi keperluan masyarakat dan komuniti perniagaan yang semakin berkembang di negara ini.

>> Muka 5

Majlis Tahlil Sekampung kekalkan ukhuwah kekeluargaan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Januari. - Perpaduan dalam kalangan penduduk kampung dipupuk dengan adanya pimpinan ketua kampung serta kesepakatan dan kerjasama bersama para penduduknya terutama mengendalikan apa jua aktiviti atau acara berjalan seperti yang dirancang.

Meskipun sekarang kita menyaksikan seperti Majlis Tahlil Sekampung dikendalikan

mengikut peredaran trend sekarang, namun tujuannya tetap tidak berubah, iaitu bagi mempererat ukhuwah silaturahmi dalam kalangan penduduk serta bersama-sama membaca tahlil dan doa khas diniatkan bagi kaum keluarga yang sudah kembali ke rahmatullah.

>> Muka 4

Lawatan Kerja tinjau pelaksanaan orientasi, inisiatif strategik persekolahan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Januari. - Sesi Persekolahan Penggal Pertama bagi Tahun Akademik 2026 bagi semua sekolah rendah, menengah dan maktab serta pusat tingkatan enam kerajaan dan swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan termasuk sekolah-sekolah ugama dan Arab di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama bermula hari ini.

Sempena permulaan Sesi Persekolahan

Penggal Pertama bagi Tahun Akademik 2026, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh berserta rombongan mengadakan lawatan ke Sekolah Rendah Mentiri, Sekolah Rendah Haji Mohamad Salleh Sungai Hanching dan Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali.


>> Muka 5



Berita Utama



PENDUDUK Kampung Tanjong Nangka undi ketua kampung baharu
Muka 4



TERUS meningkatkan keselamatan siber, lindungi identiti digital
Muka 6



PERSEKOLAHAN sesi akademik 2026 bermula
Muka 7



BELIA berwawasan, buru impian
Muka 20

Kerajaan terus komited dalam pembangunan negara

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaamu
'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbiee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita dapat memasuki Tahun Masihi 2026.

Ketika berada di ambang Tahun Baharu Masihi 2026, beta ingin mengajak semua pihak untuk sama-sama merenung pencapaian kita dan hala tuju yang telah dilalui.

Kadaan tahun lalu masih sahaja menguji kita dengan cabaran-cabaran ekonomi, kesan dari pergolakan global termasuk krisis perubahan iklim yang semakin menghimpit. Namun, rakyat negara ini masih sahaja tetap tenang dan waspada.

Inilah yang kita mahukan untuk menjadi bangsa yang gigih yang sentiasa berani mengharungi cabaran.

Sehubungan itu, beta berbangga mengetahui kebangkitan golongan muda seperti Brunei Youth Council dan Brunei Young Entrepreneurs, yang tampil membawa perubahan. Sementara dari sudut lain pula, kita juga melihat para petani dan penternak bangkit meningkatkan hasil pengeluaran mereka. Ini adalah petanda baik, selaras dengan hasrat kerajaan sendiri untuk mencapai sara diri dalam hal ehwal pemakanan.

Dalam melangkah ke tahun baharu ini,

kerajaan beta akan kekal komited untuk meletakkan keutamaan kemajuan ekonomi dan kesejahteraan rakyat melalui peningkatan dan pembaharuan dasar.

Walaupun ekonomi negara mengalami penurunan 1.1 peratus pada enam bulan pertama 2025 berbanding tempoh yang sama tahun 2024, namun asas makroekonomi kita masih sahaja berdaya tahan melalui lebihan imbalan perdagangan berjumlah BND4 bilion sehingga bulan September, di samping penurunan kadar inflasi sebanyak 0.3 peratus setakat bulan Oktober 2025. Ini jelas menunjukkan betapa kita masih perlu untuk melipatgandakan lagi usaha merentasi sektor utama dengan lebih berdaya saing.

InsyaaAllah, kita akan terus meneroka peluang pelaburan, selaras dengan Economic Blueprint melalui sektor-sektor utama. Matlamat kita adalah jelas, iaitu bagi menjana peluang pekerjaan berkualiti tinggi dan memastikan negara kekal relevan serta berdaya saing di pentas serantau dan global.

Ke arah itu, kerajaan juga akan terus komited menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif, mengukuhkan lagi jaringan dengan rakan-rakan strategik antarabangsa, memperkasa jenama halal, serta melonjakkan eksport produk industri tempatan yang kini dilihat setanding dengan piawaian antarabangsa.

Dari sudut memperkasa transformasi digital negara pula, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, beta telah memperkenankan pelaksanaan projek identiti digital kebangsaan, iaitu BruneiID di bawah naungan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, bermula 3 Januari 2026. Ini



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan bersempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2026 pada Rabu, 31 Disember 2025.

akan memudahkan lagi proses pengesahan identiti bagi mengakses pelbagai perkhidmatan dalam talian kerajaan, yang akan memperkukuhkan lagi tadbir urus digital dan menjadi pemangkin kepada pembangunan Perkhidmatan Awam yang lebih cekap dan selamat, untuk kemudahan rakyat.

Seiring dengan hasrat untuk memacu transformasi negara ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih dinamik, maka beta

telah memperkenankan pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos kepada Syarikat PosBru Sendirian Berhad bermula 1 Januari 2026. Langkah ini adalah khusus untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang awam.

>> Muka 4

WAKTU SEMBAHYANG										
JANUARI MASIHI	HARI	REJAB HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5	ISNIN	15	4.57	5.07	6.30	6.54	12.27	3.48	6.21	7.35
6	SELASA	16	4.57	5.07	6.30	6.54	12.27	3.49	6.21	7.36
7	RABU	17	4.58	5.08	6.31	6.55	12.27	3.49	6.22	7.36
8	KHAMIS	18	4.58	5.08	6.31	6.55	12.28	3.50	6.22	7.37
9	JUMAAT	19	4.59	5.09	6.32	6.56	12.28	3.50	6.23	7.37
10	SABTU	20	4.59	5.09	6.32	6.56	12.29	3.50	6.23	7.37
11	AHAD	21	5.00	5.10	6.32	6.56	12.29	3.51	6.24	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
32 25 °C	32 25 °C	30 24 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C	32 25 °C	30 24 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	32 25 °C	30 24 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 25 °C	30 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 5 JANUARI 2026

Tahun baharu, peluang memperbaiki diri

APABILA tibanya tahun baharu, sudah menjadi kelaziman untuk kita memasang niat untuk mengubah dan memperbaiki diri untuk menjadi yang lebih baik dari tahun sebelumnya dan mengambil pengajaran apa yang telah berlaku pada tahun sebelumnya untuk menjadi batu loncatan ke arah kesejahteraan hidup pada tahun baharu ini.

Tahun baharu menjadi masa yang tepat untuk memperbaiki diri dengan membangun disiplin, meningkatkan tanggungjawab, dan menjaga kesihatan mental demi mencapai perkembangan diri yang berpanjangan.

Dengan menjadikan tahun baharu sebagai titik awal perbaiki diri, seseorang dapat membentuk kehidupan ke arah yang lebih positif dan memberi impak dalam memajukan diri sepanjang tahun ini.

Salah satu langkah penting dalam memperbaiki diri ialah membina disiplin iaitu disiplin dalam semua sudut sama ada dalam pelajaran, kerja atau kehidupan seharian.

Selain itu, perbaiki diri juga merangkumi perubahan sikap dan pemikiran. Sikap negatif seperti mudah berputus asa atau suka membandingkan diri dengan orang lain perlu dikurangkan. Sebaliknya, sikap positif seperti bersyukur, sabar dan berfikir terbuka harus difokuskan. Pemikiran yang positif membolehkan seseorang melihat kegagalan sebagai pengajaran dan bukan penghalang kejayaan.

Di samping kita fokus memperbaiki diri di tahun baharu ini, adalah sangat penting untuk menjaga kesihatan mental dan fizikal kerana dua komponen ini memainkan peranan yang penting dalam proses memperbaiki diri. Rehat yang cukup, pemakanan terjaga dan aktiviti fizikal yang ringan dapat membantu mengekalkan kesejahteraan diri.

Oleh itu, tahun baharu merupakan peluang terbaik untuk memperbaiki diri dan membina masa depan yang lebih baik. Dengan usaha yang konsisten, disiplin diri, sentiasa bersikap positif, seseorang mampu mencapai perkembangan diri yang berterusan. Perubahan kecil yang dilakukan hari ini akan membawa kesan besar pada masa hadapan.

Menuju ke tahun baharu ini, bukan sahaja perubahan angka dalam kalendar tetapi ia adalah satu langkah dan peluang untuk memulakan lembaran hidup yang lebih baik. Marilah kita memanjatkan doa agar pada tahun baharu ini kita dapat memperbaiki diri dengan meningkatkan amal ibadat dan terus-menerus merebut peluang meraih pahala yang berlipat ganda agar kehidupan kita terus sejahtera serta dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

DPMM FC MENANG BERGAYA KE ATAS PDRM FC



Oleh : Aimi Sani

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



BERANGKAT menyaksikan perlawanan berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Turut berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (atas dan kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Januari. - DPMM FC menang selesa ke atas PDRM FC dengan keputusan berakhir 3 - 1 pada saingan Liga Super Malaysia 2025 / 2026 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), malam tadi.

Kemenangan berkenaan merupakan kemenangan keempat berturut-turut tanpa kalah buat DPMM FC.

Berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Turut berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan kerabat diraja dijunjung oleh Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Pada separuh masa pertama menyaksikan DPMM FC lebih bijak mengawal permainan, namun beberapa percubaan yang dilakukan gagal menemui sasaran.

Sementara itu, PDRM FC turut beberapa kali cuba membolosi gawang DPMM FC melalui serangan balas pantas, namun ketumpuhan penyudah menyaksikan mereka gagal mencipta sebarang jaringan.

Sebaik memasuki separuh masa kedua, Muhammad Hakeme Yazid Said menggandakan usaha dengan menjaringkan gol pertama buat DPMM FC seawal minit ke-46. Tekanan berterusan tuan rumah membuahkan hasil apabila Jordan David Murray menambah jaringan kedua buat DPMM FC pada minit ke-63.

PDRM FC cuba bangkit dan berjaya meraih gol tunggal mereka pada minit ke-85 melalui sepakan Muhammad Fakhru Azim Mohd Zulphatah. Namun, selang dua minit kemudian, harapan PDRM FC untuk mencipta kebangkitan terus berkecai apabila Muhammad Hakeme Yazid Said sekali lagi menggagalkan gawang pihak lawan dengan menjaringkan gol ketiga DPMM FC.

Keputusan kekal 3 - 1



ANTARA aksi perlawanan di antara DPMM FC menentang PDRM FC dengan keputusan berakhir 3 - 1 pada saingan Liga Super Malaysia 2025 / 2026 (atas, bawah dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, sebahagian penyokong yang hadir memberi sokongan.



MAJLIS TAHLIL SEKAMPUNG KEKALKAN UKHUWAH KEKELUARGAAN



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan isteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tahlil Sekampung (atas dan kanan).

>> Muka 1

Acara anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bunut Perpindahan melalui Biro Wanita berlangsung di Dewan Serambi Batil, Tarindak d'Seni, Bandar Seri Begawan, di sini.

Majlis berkenaan telah dihadiri seramai 150 orang yang terdiri daripada warga kampung serta ahli keluarga masing-masing.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan isteri.

Turut hadir, Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Awang

Mohammad Khairoul Johani bin Haji Jumat.

Bacaan tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Muhammad Waqiyuddin Fakhri bin Haji Damit.

Menurut Ketua Biro Wanita MPK Bunut Perpindahan, Dayang Nurhudiya Damit, beliau berasa bersyukur kerana majlis telah berjalan dengan sempurna dan menzahirkan penghargaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan majlis berkenaan bagi tahun ini termasuk kepada penduduk asal yang sudah berpindah.

Jelasnya, semoga dengan adanya majlis seumpama

berkenaan dapat lagi memperteguh hubungan para penduduk sekali gus saling bersatu hati bak kata pepatah 'Bersatu Kita Teguh, Berceraai Kita Roboh' dan saling menerapkan 'Berat Sama Dipikul, Ringan Sama Dijinjing' demi sama-sama menjaga keharmonian dan kesejahteraan kampung dan setiap lapisan penduduknya.

Selain itu tambahnya, majlis tahunan berkenaan akan dapat diteruskan lagi sebagai platform bagi semua penduduk kampung dan *berdang sanak* untuk mengenali dan berjumpa bagi mengekalkan hubungan kekeluargaan yang takkan terputus sampai bila-bila.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Alishahrin Haji Mumin



HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Melalui inisiatif pengkorporatan ini, beta berharap pihak kerajaan akan dapat melipatgandakan lagi usaha transformasi dalam sektor-sektor lain yang memerlukan perkhidmatan kerajaan yang lebih responsif serta *customer-centric* bagi memenuhi keperluan rakyat dan produktiviti sektor perniagaan di negara ini.

Marilah kita mensyukuri keadaan negara yang istimewa, warisan agama dan budaya yang kukuh serta semangat perpaduan mempertahankan kedaulatan negara tercinta.

Akhirnya, beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peringkat warga Perkhidmatan Awam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, pasukan-pasukan beruniform yang lain, termasuk mereka yang berkhidmat di sektor swasta dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) serta golongan belia di atas komitmen dan usaha gigih mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing sepanjang tahun 2025.

Selamat Tahun Baharu Masihi 2026 kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini, termasuk mereka yang berada di luar negara.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati kita semua dan mengurniakan kepada Negara Brunei Darussalam keamanan, kesejahteraan, kemakmuran dan keselamatan yang berpanjangan. Amin.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Penduduk Kampung Tanjung Nangka undi ketua kampung baharu



SEKITAR Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Tanjung Nangka yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkuring (kiri dan kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Ahad, 4 Januari. - Kampung Tanjung Nangka bakal mempunyai ketua kampungnya yang baharu nanti setelah proses pengundian dan pemilihan calon ketua kampung tersebut dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu secara kertas undi rasmi (*ballot papers*) dan secara dalam talian (*online*) menggunakan aplikasi e-Undi PMKK yang telah dibukakan

mulai 2 hingga 4 Januari 2026.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Tanjung Nangka tersebut diadakan di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkuring, di sini.

Calon pertama yang dibawa ke Majlis Pengundian dan Pemilihan Jawatan Ketua Kampung Tanjung Nangka ialah Awang Mohammad Rakin bin Ramli, berumur 32 tahun semasa

tarikh tutup iklan pada tahun 2024 dan merupakan penduduk Kampung Tanjung Nangka sejak beliau lahir.

Manakala calon kedua ialah Awang Rozan bin Haji Kaderi @Haji Bujang, berumur 55 tahun semasa tarikh tutup iklan pada tahun 2024 dan bermastautin di Kampung Tanjung Nangka sejak tahun 1993.

Seramai 230 penduduk kampung telah mengundi calon untuk mengisikan jawatan Ketua Kampung Tanjung Nangka, yang

mana 41 orang telah mengundi menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK dan 189 orang menggunakan kertas undi.

Daripada jumlah yang telah mengundi tersebut, 199 orang bersetuju memilih Awang Mohammad Rakin manakala 31 orang lagi memilih Awang Rozan.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Tanjung Nangka akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian

Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, wakil Daerah Zon 5 yang juga Ketua Kampung Putat; Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad; penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku - pemangku ketua kampung di bawah tadahan Zon 5.

LAWATAN KERJA TINJAU PELAKSANAAN ORIENTASI, INISIATIF STRATEGIK PERSEKOLAHAN

>> Muka 1

Lawatan ini bertujuan untuk meninjau secara lebih dekat pelaksanaan aktiviti dan inisiatif sempena pembukaan penggal pertama tahun 2026.

Antara fokus utama lawatan tersebut termasuk menyaksikan pelaksanaan orientasi, pengajaran dan pembelajaran serta beberapa inisiatif strategik yang sedang dilaksanakan seperti Integrasi Mata Pelajaran Ugama ke dalam Sistem Pendidikan Umum, Pendidikan dan Kemahiran STEAM (SES), dan Program Green Education Plan.

Semasa lawatan tersebut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan rombongan berpeluang meninjau pelaksanaan aktiviti 'Kembali ke Sekolah', yang merangkumi penglibatan aktif pelajar-pelajar serta persiapan rapi para guru, seperti sesi senamrobik, aktiviti suai kenal dan sesi pengenalan ringkas yang diadakan sempena hari pertama persekolahan.

Yang Berhormat dan rombongan turut meninjau beberapa bilik darjah dan beberapa prasarana sekolah seperti Bilik Darjah Prasekolah, Bilik Sains, Bilik

Perpustakaan dan Pusat Sumber, serta berpeluang mengadakan interaksi secara langsung dengan para guru dan pelajar termasuk pelajar-pelajar yang baharu memulakan persekolahan di peringkat prasekolah, di samping menyampaikan kata-kata motivasi serta galakan agar mereka terus bersemangat dalam menuntut ilmu dan memanfaatkan kemudahan pembelajaran yang disediakan.

Semasa lawatan berkenaan, Yang Berhormat mengunjungi Nur Kasih (Model Inclusive School) di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali bagi meninjau kemudahan serta pelaksanaan pembelajaran inklusif yang disediakan untuk para pelajar.

Yang Berhormat turut menyaksikan sesi orientasi pelajar-pelajar Tahun 7 yang diadakan di dewan sekolah berkenaan, iaitu sebagai usaha untuk membantu pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran dan budaya pembelajaran di peringkat sekolah menengah.

Turut menyertai rombongan Yang Berhormat ialah ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai

YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa mengadakan lawatan di salah sebuah sekolah yang mana lawatan ini bertujuan untuk meninjau secara lebih dekat pelaksanaan aktiviti dan inisiatif sekolah berkenaan.

Kementerian Pendidikan.

Sementara itu, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan turut mengadakan Lawatan Kerja ke sekolah-sekolah kerajaan dan swasta secara berasingan bagi meninjau pelaksanaan sesi persekolahan tahun ini.

Dengan bermulanya sesi persekolahan baharu ini, Kementerian Pendidikan sukacita menyeru dan menasihati para ibu bapa dan penjaga untuk memberikan kerjasama dalam memastikan anak-anak mereka menghadiri sesi persekolahan agar tidak tercicir dalam pembelajaran, lebih-lebih lagi bagi yang dalam lingkungan umur Akta Pendidikan Wajib.

Mengikut pindaan Akta Pendidikan Wajib Penggal 211



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

yang telah dilaksanakan pada tahun 2024, kanak-kanak yang mencapai umur 5 tahun adalah wajib bersekolah, khususnya mereka yang terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam dan yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam.

Bagi kanak-kanak yang mencapai umur 5 tahun pada 31 Disember adalah diwajibkan mendaftar bagi kemasukan prasekolah bermula awal tahun berikutnya. Bagi kanak-kanak yang belum berkesempatan untuk

didaftarkan, para ibu bapa atau penjaga masih diberi peluang untuk mendaftar di sekolah-sekolah rendah kerajaan mengikut kawasan tadahan masing-masing.

Pada tahun ini, sebanyak 112 buah Sekolah Rendah Kerajaan menawarkan kelas-kelas prasekolah.

Seramai lebih kurang 2,907 orang kanak-kanak berumur 5 tahun telah didaftarkan untuk mengikuti pembelajaran di peringkat prasekolah.

Meningkatkan kecekapan perkhidmatan, memperkukuh inovasi sektor pos

>> Muka 1

Inisiatif pengkorporatan berkenaan jelas Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina lagi, adalah satu daripada usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memacu transformasi negara ke arah meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan, dengan memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih dinamik, responsif serta *customer-centric* bagi memenuhi keperluan rakyat dan meningkatkan produktiviti sektor perniagaan di negara ini.

"Kebanyakan negara-negara di dunia ini juga sudah beralih kepada pengkorporatan perkhidmatan pos.

"Dengan bermulanya PosBru mengambil alih perkhidmatan pos bagi negara ini, orang ramai tidak perlu khuatir kerana sebagai permulaan, kadar perkhidmatan pos semasa adalah dikekalkan dan semua perkhidmatan dan operasi sedia ada diteruskan seperti biasa.

"Semua pencapaian cemerlang yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos akan diteruskan dan apa jua kekurangan akan diperkukuhkan lagi. PosBru akan memastikan komitmen secara berterusan dalam memberikan perkhidmatan, menuju aspirasi sebuah organisasi logistik yang moden, responsif, cekap, dan seiring dengan perubahan zaman dan keperluan masyarakat, di samping memastikan kos operasi yang mampan," ujarnya lagi.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Hasif Matzin

Pada masa yang sama, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina dalam ucapannya juga mengongoskan PosBru akan meneruskan kewajipan Universal Service Obligation yang akan memastikan perkhidmatan pos boleh diakses oleh semua orang di negara ini.

Majlis seterusnya menyaksikan perasmian Papan Tanda PosBru oleh tetamu kehormat majlis, yang melambangkan identiti korporat baharu serta hala tuju strategik syarikat.

Bagi mengakhiri majlis, tetamu kehormat majlis kemudiannya dibawa bagi meninjau kemudahan berkenaan, di mana penambahbaikan operasi yang sedang dilaksanakan dan dirancang telah dikongsikan bagi menyokong kecekapan pemprosesan mel serta penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Soft Launch berkenaan merupakan fasa permulaan dalam peralihan PosBru ke arah memperkukuh peranannya sebagai pengendali pos nasional yang lebih teguh, berdaya maju secara komersial, dan bersedia menghadapi era digital.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim, selaku Interim Ketua Pegawai Eksekutif (ICEO) PosBru.

Juga hadir, pegawai-pegawai kanan dari MTIC, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Pihak

Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Darussalam Assets Sdn. Bhd., serta pihak pengurusan PosBru.

YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, selaku Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah PosBru hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis berkenaan.



KALENDAR 2026

akan diedarkan secara *walk-in* mulai :

ISNIN 15 Rejab 1447H
5 Januari 2026M

HINGGA
RABU 17 Rejab 1447H
7 Januari 2026M

JAM : 1.30 PETANG - 3.30 PETANG

Ibu Pejabat Jabatan Penerangan

Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Daerah Brunei dan Muara



Cawangan Penerangan Daerah Tutong,
Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan,
Daerah Tutong

Cawangan Penerangan Daerah Belait
Jalan Lorong Bolkih, Setia,
Daerah Belait

Cawangan Penerangan Daerah Temburong
Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan, Bangar,
Daerah Temburong



Kalendar juga tersedia dalam bentuk PDF dan boleh didapati dengan mengimbas KOD QR

PEKERTI bantu ringankan beban anak yatim



ISTERI Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Datin Sabrina Aziemah binti Abdullah Chong, selaku Yang Dipertua Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) semasa sesi bergambar ramai pada Majlis Derma Anak Yatim PPDB (atas). Manakala gambar kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Ahad, 4 Januari. - Seramai 69 anak yatim daripada 43 buah keluarga yang terdiri daripada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), baru-baru ini telah menerima sumbangan pada Majlis Derma Anak Yatim Pasukan Polis Diraja Brunei bagi 2026 yang dianjurkan oleh

Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) di Dewan Bankuet Mes, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Majlis berkenaan telah dihadiri oleh isteri Pesuruhjaya Polis, PPDB, Datin Sabrina Aziemah binti Abdullah Chong, selaku Yang Dipertua PEKERTI, yang seterusnya

menyampaikan sumbangan derma kepada para penerima.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim, dan ditutup dengan Doa Kesyukuran.

Majlis berkenaan merupakan acara tahunan yang diadakan oleh PEKERTI.

Sumbangan berkenaan merupakan hasil daripada kutipan daripada Tabung Anak Yatim PEKERTI yang bertujuan untuk memberi kegembiraan dan meringankan beban anak-anak yatim dalam membuat persiapan persekolahan bagi 2026.

TERUS MENINGKATKAN KESELAMATAN SIBER, LINDUNGI IDENTITI DIGITAL

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Januari. - Dalam melangkah ke tahun baharu, sudah menjadi kelaziman setiap individu menetapkan azam baharu antaranya untuk memperbaiki diri agar menjadi lebih baik berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Seiring dengan membuka lembaran baharu ini, kita juga perlu memberi perhatian kepada aspek keselamatan digital khususnya ketika berhadapan dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat dan canggih dari semasa ke semasa.

Perkara berkenaan antara yang ditekankan oleh Penganalisis Keselamatan Siber, Brunei Computer Emergency Response Team (BruCERT), Dayang Siti Khadijah binti Haji Ismail kepada Pelita Brunei semasa sesi wawancara keselamatan siber bertajuk 'Tahun Baharu, Tabiat Siber Baharu' yang diadakan baru-baru ini.

Menurut beliau, adalah amat penting untuk memulakan tahun 2026 dengan sikap digital yang lebih selamat, bijak dan bertanggungjawab, antaranya dengan memeriksa akaun-akaun lama yang berpotensi menjadi risiko keselamatan, di samping memastikan akaun sentiasa dilindungi daripada kebocoran data yang semakin meningkat setiap tahun dan berupaya menjejaskan identiti seseorang.

Dalam pada itu, beliau menekankan kepentingan menguruskan jejak media sosial (*social media footprint*) dengan lebih selamat bagi mengelakkan pendedahan maklumat peribadi tanpa disedari.

Justeru, beliau menekankan langkah-langkah yang perlu diambil sebelum menjual atau menyerahkan peranti kepada orang

lain serta kepentingan melaksanakan senarai semak digital (*digital checklist*) setiap tahun.

Menyentuh mengenai kepentingan memeriksa akaun lama yang berpotensi menjadi risiko keselamatan, beliau menyatakan bahawa tidak dapat dinafikan ramai di antara kita mempunyai lebih daripada satu akaun. Ini bukan sahaja melibatkan akaun e-mel tetapi juga akaun pendaftaran untuk aplikasi atau perisian.

Jelasnya, mungkin terdapat akaun e-mel atau pendaftaran yang tidak lagi aktif tetapi masih tersimpan. Akaun-akaun ini mungkin menyimpan maklumat peribadi yang, jika digodam, boleh disalahgunakan untuk menjejaskan identiti kita. Oleh itu, adalah amat mustahak untuk kita menyemak dan memadam akaun lama bagi mengurangkan risiko keselamatan.

Berhubung dengan usaha memastikan akaun selamat daripada kebocoran data, Dayang Siti Khadijah turut mengingatkan bahawa setiap tahun, e-mel, kata laluan, nombor telefon, maklumat bank dan lain-lain terdedah akibat kebocoran dari platform dalam talian.

Jelasnya, kebocoran data peribadi boleh membawa pelbagai risiko termasuk kecurian identiti, penyalahgunaan identiti untuk tujuan yang menyalahi undang-undang dan lain-lain implikasi negatif.

Oleh itu, katanya, tindakan segera yang perlu diambil sekiranya akaun diceroob termasuk menukar kata laluan dengan kombinasi yang kuat dan unik, mengaktifkan pengesahan dua faktor (2FA) untuk meningkatkan keselamatan, memadam atau menyahaktifkan

akaun yang tidak lagi digunakan, serta mengelakkan penggunaan semula kata laluan yang sama pada platform lain.

Dalam aspek pengurusan jejak media sosial, Dayang Siti Khadijah menjelaskan, semakin banyak maklumat yang dikongsi di platform media sosial, semakin tinggi risikonya jika tidak dikawal.

Situasi ini boleh membuka ruang kepada risiko berbahaya seperti penipuan, kebocoran data dan pencurian identiti.


Antara cara menguruskan jejak media sosial ialah dengan menyemak dan membuang sambungan aplikasi atau laman sesawang yang mempunyai akses kepada akaun media sosial dan maklumat peribadi tanpa disedari. Platform yang perlu diperiksa termasuk Facebook, Instagram, Google, X, TikTok dan LinkedIn.

Selain itu, menghapuskan aplikasi yang tidak digunakan atau mencurikan dapat mengurangkan risiko keselamatan. Ini termasuk menyemak aplikasi bersambung seperti permainan, kuiz, penapis gambar, aplikasi produktiviti atau perkhidmatan pihak ketiga yang menggunakan fungsi 'Log masuk dengan Google / Facebook'.

Dayang Siti Khadijah turut menasihati orang ramai yang merancang untuk menukar peranti mereka kepada yang baharu dan menjual peranti lama kepada orang lain atau kedai (*trade-in*), atau menukar dengan orang lain (*swap*), antara perkara yang penting dilakukan terlebih dahulu ialah membuat sandaran (*backup*) fail atau data termasuk menyimpan gambar dan dokumen dengan memindahkannya ke *hard drive* atau menyimpannya di storan awan seperti Google Drive atau iCloud.

"Awda juga perlu 'Log Out'

Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Nurdiyanah Rajami, Ihsan Cyber Security Brunei



MULAKAN tahun 2026 dengan sikap digital yang lebih selamat, bijak dan bertanggungjawab dengan memeriksa akaun-akaun lama yang berpotensi menjadi risiko keselamatan di samping memastikan akaun sentiasa dilindungi daripada kebocoran data.

daripada semua akaun bagi memastikan semua maklumat penting dipadam dan mengelakkan penerima seterusnya mengakses akaun awda.

"Sebagai langkah keselamatan tambahan, awda disarankan menukar kata laluan bagi akaun penting seperti Google atau Apple.

"Pastikan juga awda menanggalkan peranti daripada perkhidmatan seperti Find My iPhone serta menyahaktifkan ciri 2FA," jelasnya.

Dalam mengongsikan mengenai senarai semak keselamatan digital bagi membolehkan pengguna internet memantau dan mengekalkan tahap keselamatan yang konsisten, penganalisis keselamatan siber ini turut mengingatkan bahawa antara langkah penting untuk mengurangkan risiko dan melindungi identiti digital ialah menukar kata laluan bagi akaun

utama seperti Google, Apple, e-mel, perbankan, dan media sosial, serta membuka ruang kepada kecurian akaun mempunyai kata laluan yang berbeza, kompleks dan sukar diteka.

Tambahan, kita juga perlu memastikan perisian peranti, sistem operasi dan semua aplikasi dikemas kini termasuk antivirus, pengurus kata laluan, aplikasi mesej, permainan dan aplikasi lain yang digunakan secara berkala.

"Semua ini mungkin kelihatan remeh, tetapi jika diabaikan, ia boleh membuka ruang kepada kecurian identiti, penyalahgunaan akaun atau kehilangan maklumat penting.

"Harapan kami dari pihak Cyber Security Brunei (CSB) agar semua pihak akan dapat mengamalkan tabiat siber yang lebih baik, lebih berwaspada dan bersedia untuk berhadapan cabaran keselamatan siber tahun 2026 ini," terang Dayang Siti Khadijah.

190 PELAJAR TAHUN 7 SERTAI PROGRAM ORIENTASI SM SMJA

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Januari. - Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) mengadakan Program Orientasi Tahun 7 bagi Sesi Persekolahan Tahun 2026 yang melibatkan penyertaan para ibu bapa / penjaga serta pelajar baharu.

Program orientasi tersebut diadakan di Bilik Mumtaz dengan pengisian termasuk tayangan video pengenalan sekolah, taklimat akademik, pelantikan Ahli Jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi Sesi 2026-2028, ceramah bertajuk 'Membina Anak Berjaya Melalui Kerjasama Ibu Bapa dan Guru' serta taklimat BruCERT.

Sementara itu, orientasi bagi pelajar Tahun 7 turut diadakan pada hari yang sama melibatkan sesi pengenalan kelas,

pembahagian buku teks, lawatan sekitar kawasan sekolah serta taklimat berkaitan akademik dan hal ehwal pelajar.

Program ini bertujuan untuk membantu pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu serta memahami struktur dan budaya sekolah.

Dalam ucapannya pada sesi orientasi tersebut, Pengetua SM SMJA, Dayang Hajah Nor Aisah binti Haji Mohd. Salleh, merakamkan ucapan tahniah kepada ibu bapa dan penjaga atas kejayaan anak-anak mereka melangkah ke peringkat pendidikan menengah, yang disifatkan sebagai satu fasa peralihan penting dalam kehidupan pelajar.

Menurut beliau, peralihan daripada sekolah rendah ke sekolah menengah bukan sahaja melibatkan perubahan dari segi akademik, malah turut menuntut tahap kematangan, disiplin dan

SEKITAR Program Orientasi Tahun 7 bagi Sesi Persekolahan Tahun 2026 (kanan dan bawah kiri).

tanggungjawab yang lebih tinggi.

Justeru, pembentukan sahsiah, nilai murni dan jati diri pelajar perlu diberi perhatian secara berterusan agar mereka mampu menyesuaikan diri dengan cabaran sebagai remaja.

Beliau turut menegaskan bahawa kejayaan pelajar tidak dapat dicapai oleh pihak sekolah semata-mata, sebaliknya memerlukan kerjasama erat dan berterusan dengan ibu bapa dan penjaga.

Sokongan daripada ibu bapa amat penting bagi memastikan kehadiran pelajar ke sekolah secara konsisten, pematuhan terhadap peraturan dan disiplin sekolah serta dibimbing dari rumah agar sentiasa menghormati guru, rakan dan ilmu.

Dalam usaha memperkukuhkan komunikasi, pihak sekolah kini sedang mengusahakan pelaksanaan Sistem Komunikasi Sekolah melalui Talian Pesanan Ringkas sebagai medium rasmi bagi menyalurkan maklumat berkaitan hal ehwal persekolahan dengan lebih cepat, tepat dan berkesan kepada ibu bapa dan penjaga berkaitan hal ehwal persekolahan.

Di samping itu, pihak sekolah mengamalkan 'Open Door System', di mana ibu bapa dan penjaga dialu-alukan untuk berhubung dan berbincang dengan pihak sekolah secara berhemah



sekiranya terdapat sebarang kemusykilan atau perkara-perkara yang berkaitan kebajikan, disiplin atau pembelajaran anak-anak.

Program Orientasi bagi Sesi Persekolahan 2026 tersebut melibatkan seramai 190 orang pelajar baharu Tahun 7 SM SMJA.



Persekolahan sesi akademik 2026 bermula

BERAKAS, Sabtu, 3 Januari. - Sesi Persekolahan Penggal Pertama Tahun Akademik 2026 untuk semua sekolah rendah termasuk prasekolah, sekolah menengah, maktab serta pusat tingkatan enam kerajaan dan swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan serta sekolah-sekolah agama dan Arab di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama, telah bermula pada Sabtu, 3 Januari 2026 Masihi bersamaan 14 Rejab 1447 Hijrah.

Sementara itu, sekolah-sekolah antarabangsa, pusat-pusat latihan, Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) serta Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) akan memulakan sesi mereka mengikut kalendar akademik masing-masing.

Sempena bermulanya sesi persekolahan baharu ini, Kementerian Pendidikan sukacita menyeru dan menasihati para ibu bapa dan penjaga untuk memberikan kerjasama dalam memastikan anak-anak mereka menghadiri sesi persekolahan agar tidak tercicir dalam pembelajaran atau mendapat pendidikan, lebih-lebih lagi bagi yang dalam lingkungan umur Akta Pendidikan Wajib.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan



SESI Persekolahan Penggal Pertama Tahun Akademik 2026 untuk semua sekolah rendah termasuk prasekolah, sekolah menengah, maktab serta pusat tingkatan enam kerajaan dan swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan serta sekolah-sekolah agama dan Arab di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama kini bermula (atas dan bawah).



Lebih 100 pelajar terima bantuan persekolahan



SUASANA pada majlis tersebut yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (atas dan bawah).

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Persatuan Wardah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 Januari. - Persatuan Wardah dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Pengkalan Batu, Sufinaz & Co. dan KB Empire telah mengagihkan bantuan kelengkapan peralatan sekolah bagi tahun 2026 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Hadir pada majlis tersebut ialah Penghulu Mukim Pengkalan Batu, Awang Haji Arfan bin Haji Md. Yussof dan Ketua Kampung Pengkalan Batu, Awang Mohamed Waie bin Haji Selamat.

Lebih 100 penerima daripada keempat-empat daerah terdiri daripada anak yatim dan orang kurang berkemampuan menerima sumbangan tersebut. Kutipan sumbangan peralatan sekolah telah bermula sejak 5 November hingga 30 Disember 2025.

Adapun tujuan diadakan adalah untuk bagi membantu meringankan kesusahan bagi orang-orang yang kurang berkemampuan dan anak-anak yatim yang berkecukupan menerima bantuan kelengkapan peralatan sekolah bagi tahun 2026.

Sumbangan juga dihasratkan dapat memeduli kebajikan dan hal ehwal pendidikan para pelajar dalam usaha mempertingkatkan motivasi mereka bagi meraih kecemerlangan dalam pendidikan.





PEMANGKU Pengarah Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Mustazah binti Awang Maidin hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar (atas dan kanan).

2 PELAJAR SERTAI 18TH ISYF 2026



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hasif Matzin

Rozi-Suzannah binti Yatab akan menyertai selaku peserta dan guru pengawas kepada para pelajar berkenaan.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar, Pemangku Pengarah Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Mustazah binti Awang Maidin.

Turut hadir, pegawai-pegawai dari Pusat EDGE, Kementerian Pendidikan dan para ibu bapa serta ahli keluarga pelajar.

Forum yang bertemakan 'Curiosity Unlocked : How Questions Drive Discovery in the Age of AI' merupakan forum tahunan yang bertujuan untuk menyediakan platform bagi pelajar-pelajar yang berumur 16 dan 17 tahun untuk berinteraksi dengan penerima Hadiah Nobel (Nobel Laureates) dan Saintis terkemuka dalam bidang sains.

Selain itu, forum turut diadakan untuk memperkaya dan meningkatkan kecekapan pedagogi guru melalui sesi kongsi sama dan lawatan, antaranya ke National University of Singapore, Science Centre Singapore serta Art and Science Museum.

Melalui Sesi Dialogues and Masterclass Sessions bersama penerima Hadiah Nobel, para saintis terkenal dan pakar dalam bidang Sains dapat meningkatkan hubungan rapat dan kerjasama antara pendidik di masa hadapan.

Semasa forum, para peserta berpeluang untuk menyertai aktiviti seperti dialog dan Masterclass Sessions, Science Quest, Singapore Discovery Trail, Cultural Exhibition dan Pameran Poster (Poster Exhibition).

Di samping itu, pelajar-pelajar yang mewakili NBD akan membentangkan poster penyelidikan mereka yang bertajuk 'An Investigation into AI-Based Optimisation of Front Wing Geometry for Drag Reduction' semasa Sesi Pameran Poster.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat (EDGE), Jabatan Pendidikan Khas (JPK) telah menyelaras penyertaan bagi dua pelajar dan seorang pegawai pelajaran untuk menyertai 18th International Science Youth Forum 2026 (ISYF 2026).

Forum berkenaan dianjurkan oleh Hwa Chong Institution (College Section) dengan sokongan dari Kementerian Pendidikan, Republik Singapura yang akan diadakan pada 5 hingga 9 Januari 2026 di Hwa Chong Institution, Republik Singapura.

Pelajar-pelajar yang mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah terdiri daripada dua pelajar Tahun 12 di bawah Skim Biasiswa Khas Dalam Negeri (Skim Biasiswa Pra Universiti) di Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS), iaitu Awang Muhammad Ayyub bin Dr. Haji Azlan dan Dayang Hamizah Amira binti Fathul Hakeem.

Manakala Pegawai Pelajaran dari Pusat EDGE, JPK, Dayang

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Peluang pamer kemahiran dalam persekitaran mencabar



SERAMAI tiga pelajar dan seorang pegawai akan menyertai 15th ASEAN+3 Student Camp for the Gifted in Science dan 17th ASEAN+3 Teacher Workshop for the Gifted in Science.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : DK. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat (EDGE), Jabatan Pendidikan Khas telah menyelaras penyertaan bagi tiga pelajar dan seorang pegawai

untuk menyertai 15th ASEAN+3 Student Camp for the Gifted in Science dan 17th ASEAN+3 Teacher Workshop for the Gifted in Science yang dianjurkan oleh ASEAN+3 Center for the Gifted in Science (ACGS) dan disokong oleh The Korean Ministry of

Science and ICT dan Korean Foundation for Science and Creativity (KOSAC).

Program berkenaan akan diadakan pada 4 hingga 10 Januari 2026 di Seoul National University of Education, Seoul, Republik Korea.

Tiga pelajar yang mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah terdiri daripada pelajar

Tahun 10 dari Jerudong International School Brunei (JIS), Dayang 'Aliah Zahrah binti Mohamed Fairuz dan Dayang Nadia binti Ahmad Sukarni; manakala Dayang Hasya Fasiha binti Azrin dari International School Brunei (ISB).

Para delegasi juga disertai oleh Dayang Nor'azali binti Dato Paduka Haji Jumat dari Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin, selaku peserta (guru) dan mentor.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas, di sini, bagi mengucapkan selamat belayar, Pemangku Pengarah Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Mustazah binti Awang Maidin.

Turut hadir, pegawai-pegawai dari Pusat EDGE, Kementerian Pendidikan dan para ibu bapa serta ahli keluarga pelajar.

Program berkenaan bertemakan 'Food for All : The Role and Responsibility of Science for a Sustainable Tomorrow' merupakan program tahunan yang bertujuan menghimpunkan pelajar cerdas pintar dan berbakat, yang turut melibatkan para guru dalam bidang Sains dan teknologi.

Program berkenaan memberikan peluang kepada

mereka untuk bekerjasama dan mempamerkan kemahiran dalam persekitaran yang mencabar dan bermakna.

Semasa program berkenaan, para pelajar akan terlibat dalam pelbagai aktiviti termasuk Majlis Pembukaan, mendengarkan ucapnama semasa Majlis Pembukaan dan juga menghadiri kuliah berkenaan dengan tema program.

Selain itu, pelajar-pelajar akan menyertai pembentangan berkumpulan antara negara dan mereka telah diberikan tugas pra-program untuk disiapkan secara berkumpulan sebelum program bermula.

Pada masa yang sama, 17th ASEAN+3 Teacher Workshop for the Gifted in Science turut diadakan untuk memperkaya dan meningkatkan kompetensi pedagogi guru melalui bengkel yang merangkumi seminar mengenai isu pendidikan global, bengkel amali yang mendalam mengenai kit inkuiri sains (contoh Da Vinci Science Box), serta lawatan ke Gwacheon National Science Museum.

Semasa sesi kongsi sama berkenaan, Dayang Nor'azali akan membentangkan mengenai EDGE di NBD.

BERBAGI REZEKI, BANTU RINGKANKAN BEBAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



TANAH JAMBU, Ahad, 4 Januari.
- Ke arah memupuk sifat keprihatinan dan memeduli kebajikan terutama sekali golongan yang kurang berkemampuan, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Berserumpun Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor Mengkubau, Mukim Mentiri terus giat melaksanakan sumbangan melalui

KETUA Kampung Kawasan 4 RPN Panchor Mengkubau, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad semasa berucap.



KETUA Kampung Kawasan 4 RPN Panchor Mengkubau dan isteri selaku Ketua Biro Wanita MPK Berserumpun semasa menyampaikan bantuan kepada para penerima.

Majlis Penyampaian Berbagi Rezeki melalui Program Santunan Kasih Berserumpun Pencinta Yatim kepada anak-anak yatim dan keluarga terpilih, hari ini.

Program kali kedua yang diadakan bertempat di Dewan Peladang Muafakat Kampung Tanah Jambu disampaikan oleh Ketua Kampung Kawasan 4 RPN Panchor Mengkubau, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad dan isteri, Pengiran Norhashimah binti Pengiran Haji Basar selaku Ketua Biro Wanita MPK Berserumpun.

Pada program kali kedua ini, pihak penganjur telah berjaya mengagihkan bantuan kepada seramai 21 anak yatim dan 22 keluarga yang terpilih menerima sumbangan.

Awang Faidil Rosemady melahirkan penghargaan terima kasih kepada para penderma yang bermurah hati menghulurkan sumbangan serta kepada keluarga Ahli MPK dan pihak NGO.

Awang Faidil Rosemady berharap semoga dengan adanya sumbangan seumpama ini akan memberikan satu senyuman dan menyuntik semangat kepada para penerima terutama sekali anak-anak yatim bagi memulakan sesi persekolahan pada tahun baharu.

Adanya bantuan ini juga, tambahnya, akan dipergunakan dengan sebaiknya dan diambil manfaat untuk keperluan menjalani kehidupan seharian.

Berbagi rezeki merupakan amalan yang mulia dan keikhlasan untuk memberi bagi meringankan beban mereka yang memerlukan itu adalah tinggi nilainya di sisi Allah dan setentunya kita mengharapkan ganjaran pahala berlipat ganda dan keberkatan dalam setiap perbuatan yang kita kerjakan.

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather
 @brunei.weather
 Weather Line 114
 www.met.gov.bn

ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

bruneiweather
 @brunei.weather
 Weather Line 114
 www.met.gov.bn

Muhasabah diri, jalani kehidupan dengan penuh kesyukuran, keinsafan



MUHASABAH diri mendorong ke arah pembentukan sikap saling menghormati, bertolak ansur dan prihatin terhadap keperluan orang lain.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Januari. - Sempena tahun baharu, kita digalakkan untuk meluangkan masa bagi melakukan muhasabah diri sebagai langkah

penting dalam menilai perjalanan hidup yang telah dilalui sepanjang tahun lepas serta merangka hala tuju yang lebih baik bagi tahun 2026.

Peralihan tahun bukan sekadar perubahan angka pada kalendar tetapi malah menjadi titik peralihan yang signifikan untuk memperkukuhkan kesedaran diri, memperbaiki kelemahan dan memperbaharui azam dalam kehidupan peribadi, keluarga dan masyarakat.

Sepanjang setahun yang lalu, mungkin kita telah menempuhi pelbagai pengalaman termasuk kejayaan, cabaran, kegagalan dan pengajaran. Setiap peristiwa yang berlaku membawa hikmah tersendiri dan wajar dijadikan cerminan untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan.

Muhasabah diri membolehkan seseorang menilai sejauh mana amanah telah ditunaikan, tanggungjawab dilaksanakan serta nilai-nilai murni diamalkan dalam kehidupan seharian sama ada di tempat kerja, dalam keluarga mahupun dalam hubungan bermasyarakat.

Tahun baharu juga menjadi masa yang sesuai untuk menilai semula keutamaan hidup agar lebih seimbang antara tuntutan duniawi dan rohani. Kesibukan

dalam menjalani kehidupan menerusi tuntutan pekerjaan dan rutin harian sering kali menyebabkan kita meminggirkan aspek kesihatan mental, hubungan kekeluargaan dan pembangunan sahsiah.

Justeru, muhasabah diri dapat membantu menyusun semula keutamaan agar kehidupan dapat dijalani dengan lebih harmoni, berdisiplin dan bermakna.

Dalam konteks kemasyarakatan, muhasabah diri mendorong ke arah pembentukan sikap saling menghormati, bertolak ansur dan prihatin terhadap keperluan orang lain.

Kesedaran ini penting bagi memperkukuhkan perpaduan serta mewujudkan suasana kehidupan bermasyarakat yang aman dan sejahtera.

Setiap individu memainkan peranan dalam membentuk persekitaran sosial yang positif melalui sikap, tutur kata dan tindakan yang berlandaskan nilai-nilai etika serta kemanusiaan.

Selain itu, tahun baharu memberi ruang untuk kita memperbaharui iltizam terhadap pembelajaran berterusan dan peningkatan kemahiran diri.

Perubahan landskap sosial, ekonomi dan teknologi menuntut masyarakat agar sentiasa bersedia menyesuaikan diri dengan cabaran semasa.

Muhasabah diri membolehkan seseorang mengenal pasti kekuatan yang boleh diperkasakan serta kelemahan yang perlu diperbaiki demi memastikan kesejahteraan dan daya saing dalam kehidupan.

Di samping itu, aspek kerohanian wajar diberi penekanan dalam muhasabah diri agar kehidupan dijalani dengan penuh kesyukuran, keinsafan dan kesedaran terhadap tanggungjawab sebagai insan.

Penguatan nilai kerohanian mampu membentuk jiwa yang tenang, berdaya tahan serta lebih berwaspada dalam membuat keputusan dan tindakan.

Muhasabah diri sempena tahun baharu merupakan salah satu proses penting yang perlu diterapkan sebagai amalan berterusan, bukan sekadar aktiviti tahunan.

Nilai kehidupan dengan jujur dan tanamkan keazaman yang tinggi untuk melakukan perubahan ke arah yang lebih baik.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

Semai rasa cinta terhadap raja, agama, bangsa, negara



SERIA, Sabtu, 3 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait, Bahagian Komunikasi Strategik meneruskan lagi Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam (NBD)' dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Chung Ching, Seria. Seramai lebih 60 penuntut Tahun 7, Tahun 8 dan Tahun 9 menghadiri taklimat yang diadakan di dewan sekolah berkenaan. Turut hadir, Pengetua

Sekolah, Awang Kah Jin Yau; dan Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman serta para tenaga pengajar. Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir, selaku



PROGRAM Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Chung Ching, Seria (atas dan kiri).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Penerangan

Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait yang antara lain menyentuh mengenai raja, sejarah dan tatacara menaik - kibarkan bendera negara serta sejarah Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan'. Selain itu, para penuntut juga menyaksikan tayangan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera' dan berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi meningkatkan lagi

kefahaman tentang taklimat yang disampaikan. Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara. Selain itu, ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

188 PELAJAR BAHARU HADIRI MINGGU ORIENTASI



PENGETUA Sekolah Menengah Berakas (SMB), Dayang Hajah Norhashimah binti Haji Burut dalam ucapan alu-aluannya.

BERAKAS, Sabtu, 3 Januari. - Seramai 188 pelajar baharu Tahun 7 Sekolah Menengah Berakas (SMB) bersama ibu bapa atau penjaga masing-masing pagi tadi telah menghadiri Majlis Taklimat

dan Minggu Orientasi Sesi Persekolahan bagi Tahun 2026 di Dewan Anggerek, sekolah berkenaan, di sini.

Minggu orientasi yang akan berlangsung selama empat hari berkenaan adalah bagi membiasakan para pelajar dengan persekitaran sekolah di SMB, di samping memberi peluang kepada mereka untuk mengenali guru-guru dan rakan sekelas masing-masing.

Pengetua SMB, Dayang Hajah Norhashimah binti Haji Burut dalam ucapan alu-aluannya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat berkumpul bagi sama-sama meraikan pelajar baharu Tahun 7 dan ia merupakan satu titik permulaan fasa baharu di alam persekolahan khusus di peringkat sekolah menengah.

"Para pelajar, kamu bukan sahaja menjejakkan kaki ke tempat yang baharu, suasana, budaya juga berubah dan yang paling ketara adalah tugas pembelajaran dan tanggungjawab yang lebih mencabar. "Di sekolah menengah, kamu

akan mempunyai lebih ramai guru, kawan, mata pelajaran dan jadual yang lebih padat. Jadi, penting untuk kamu belajar mengurus masa, berdisiplin dan membina keyakinan diri," tambahnya.

Dayang Hajah Norhashimah seterusnya menyatakan bahawa dalam dunia digital sekarang ini, kemahiran ICT bukan lagi pilihan tetapi adalah keperluan maka dalam pada itu begitu besar harapan pihak sekolah bagi setiap pelajar mempunyai satu alat peranti atau *gadget* kerana SMB mengamalkan penggunaan digital dalam pengajaran dan pembelajaran.

"Ini adalah selaras dengan pelan strategik digital transformasi sekolah.

"Oleh itu, adalah sangat penting untuk pelajar-pelajar mengetahui etika penggunaan peranti yang betul. Bagaimana mencari maklumat dan menyiapkan tugasan digital dengan bijak.

"Kemahiran ini bukan sahaja membantu dalam akademik malah mempersiapkan pelajar menghadapi dunia kerjaya pada masa depan," ujarnya lagi.

Beliau turut mengingatkan, pada masa yang sama, para pelajar hendaklah mengelak perkara-perkara negatif seperti buli siber serta penggunaan *gadget* yang tidak terkawal. Perlu diingat, pelajar perlu menjadi warga digital yang bertanggungjawab.

Tegasnya lagi, kepada golongan pelajar, apa sahaja yang dimuat naik atau *upload* akan kekal selamanya. Berkirlah sebelum memuat naik gambar atau video. Begitu juga apa yang paling penting semasa memberi komen hendaklah menulis dengan sopan, tidak menyebarkan fitnah, tidak menyertai buli siber serta menghormati privasi orang lain.

Dayang Hajah Norhashimah

■ Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami



SERAMAI 188 pelajar baharu Tahun 7 SMB bersama ibu bapa atau penjaga masing-masing menghadiri Majlis Taklimat dan Minggu Orientasi Sesi Persekolahan bagi Tahun 2026 (atas dan bawah kiri).

turut menasihatkan kepada para pelajar untuk meraih kejayaan perlulah menguasai teknik belajar atau *study skills* yang betul seperti mengurus masa dan jadual, teknik mencatat nota, bertanya soalan, berkomunikasi dengan guru dan membuat ulang kaji secara konsisten dan bukan pada saat akhir.

"Para ibu bapa dan penjaga yang dihormati, pihak sekolah mengharap sokongan berterusan daripada *abiskita* terutama sekali dengan memantau kehadiran pelajar.

"Pastikan mereka hadir setiap hari dan kehadiran mereka tidak kurang dari 95 peratus. Kawal penggunaan *gadget* semak kerja sekolah mereka dan sentiasa memberi kata-kata motivasi kepada anak-anak *abiskita*. Kerjasama antara sekolah dan rumah ialah resipi kejayaan pelajar," ujarnya.

Pada majlis berkenaan, para ibu bapa atau penjaga serta pelajar-pelajar baharu seterusnya diberikan taklimat dari Bahagian Akademik, Bahagian Pentadbiran Sekolah dan juga dari Bahagian Takaful TAIB.

Majlis turut diselenggarakan dengan pengenalan guru-guru kelas Tahun 7 dan juga pengagihan buku-buku teks dan lawatan sekitar sekolah berkenaan.

Secara keseluruhannya, seramai 889 jumlah terkini pelajar yang menuntut di SMB, iaitu terdiri daripada 188 pelajar Tahun 7, 181 pelajar Tahun 8, 180 pelajar Tahun 9, 146 pelajar Tahun 10, 123 pelajar Tahun 11, 42 pelajar Business and Technology Education Council (BTEC) dan 29 lagi pelajar Pra-Vokasional. Manakala sekolah berkenaan memiliki seramai 115 guru dan 22 kakitangan sekolah.



سردار سري

منجادي انسان يغ ليه بايك

جماعه يغ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكتكن كيلمانن كفلدن. سسوغكوهن اورغ يغ فاليج مليا ديسي الله ﷺ ايت اياه اورغ يغ فاليج برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغليغي الله ﷺ، براوله كجيان دان كسلامن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمتي الله،

الحمدلله، كيت برشكور كحضرة الله ﷺ، داتس ليمغه رحمتن مغاذاينكن كيت سام-سام ملغكه كاهون بهارو مسيحي ٢٠٢٦. سموك تاهون بهارو اين اكن ليه مناوروغ كيت اونتوق منجادي انسان يغ ليه بايك دمي منجافاي فراوبهن يغ ليه برمعنى باكي ديري سنديري، كلوارك، مشاركت دان جوك نكارا.

كيت برشكور كران دسفنح تاهون لالو، كيت دافت منعمتي كهيدوقن يغ امان دان معمور دبومي دارالسلام يغ برتواه اين. ملك اونتوق ايت، ماريله كيت سام-سام مرفعن دعاء، سموك نعمت كامانن دان نعمت كمعمورن اين اكن دافت جوك كيت نعمتي دسفنح تاهون ٢٠٢٦ اين. الله ﷺ برفرمان دالم سورة ابراهيم آية ٧:

دان (ايغله) كيتك توهن كامو ممري تاهو (دغن سحلس-سحلس): "دمي سسوغكوهن جك كامو برشكور (ترهادف سكل نعمتك) تنو اكو اكن منمبه نعمت ايت كقد كامو دان دمي سسوغكوهن جك كامو كفور (ترهادف نعمت ايت) مك سسوغكوهن عذابكو ساغت كرس."

فلباكاي فريستوا سوكا دان دوكا، فاهيت دان مانيس تله كيت تمقوه دان هادي دسفنح تاهون ٢٠٢٥. مك سباكاي اورغ يغ برايمان، كيت هندقله ميقيني بهاوا سكل يغ برلاكو ايت مروفانن كتنوان دان كشتن الله ﷺ يغ فرلو دمحاسبه اكر كيت دافت مرجان سسواتو يغ ليه بايك اونتوق ماس اكن داتغ. رسول الله ﷺ ميفشتكن بهاوا اورغ يغ سنتياس برمحاسبه دان ممقربايكي ديري ايت سباكاي اورغ يغ بيحق. درفد شاداد بن اوس رضى الله عنه، رسول الله ﷺ برسيدا: اَلْكَيْسُ مِنْ ذَا نَفْسِهِ، وَغَمَلٌ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ.

مقصودن: اورغ يغ بيحق اداله مريك يغ برمحاسبه ديرن سنديري دان برعمل اونتوق كهيدوقن سلفس كمتاين. {حديث رواية امام ترمذي}

جماعه يغ درحمتي الله،

سسوغكوهن محاسبه دان ممقربايكي ديري اداله سواتو فركارا يغ امت

فتيتغ دالم كهيدوقن كيت. اي هندقله برينتوق فراوبهن كقد ساتو كادان يغ ليه بايك، بوكن يغ سياليقن. ماله، اي ممري رواغ يغ ليه لواس دان ميلوروه مرغكومي اسقيك عقيدة، عبادت، اخلاق، فميكرن، فركاوون دان جارا هيدوف يغ سكاليكوس ممقربايكي هوبوغن كيت دغن الله ﷺ سمام مانسي.

فرلو دايغت بهاوا ممقربايكي ديري ايت هندقله تنف برتروسن دان تيدقله برمعنى اي هان دحياتي اتاو دلاكوكن كيتك فراوبهن تاهون بهارو سهاج. اوليه يغ دمكين، سكران فراوبهن تيدق دافت دلاكوكن، سكورغ-كورغن كيت نيلايله كمبالي ديري كيت سام اد دري سكي كفواتن دان كلمهن اكر ترنسفورمسي اتافوقن فراوبهن ايت اكن ترجادي سديكيت دمي سديكيت، درفد عائشة رضى الله عنها تله بركات اي، تله برسيدا رسول الله ﷺ: اَحَبُّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى اذْوَمُهَا وَإِنْ قُلْ.

مقصودن: سبايك-بايك عملن كقد الله اداله فربواتن يغ دكرجاكن سجارا برتروسن والاوقون سديكيت. {حديث رواية امام مسلم}

ددالم كِتَابُ الْأَذْكَارِ كارغن الإمام النووي، اد دسبوتكن دعاء ماثور يغ سريغ دياج اوليه رسول الله ﷺ اونتوق موهون اكر دافت ممقربايكي اوروون اكام، دنيا دان اخيرة. دالم سبواه حديث يغ درواينكن اوليه امام مسلم، درفد أبو هريرة رضى الله عنه، اي بركات: سسوغكوهن رسول الله ﷺ سريغ بردعاه.

اللَّهُمَّ اَصْلِحْ لِي دِينِي الَّذِي هُوَ عِصْمَةُ أَمْرِي، وَأَصْلِحْ لِي دُنْيَايَ الَّتِي فِيهَا مَعَاشِي، وَأَصْلِحْ لِي آخِرَتِي الَّتِي فِيهَا مَعَادِي، وَأَجْعَلْ أَحْيَاةَ زِيَادَةِ لِي فِي كُلِّ حَرْ، وَأَجْعَلِ الْمَوْتَ رَاحَةً لِي مِنْ كُلِّ شَرٍّ

مقصودن: يا الله، فربايكيله اوروون اكام كو يغ مروفانن فنجاك كسلامن اوروون كو، فربايكيله اونتوق كو اوروون دنيا كو يغ ددالمن تردافت مات فنجاينكو، دان فربايكيله اونتوق كو اوروون اخيرتكو يغ اكن منجادي ثقت كمباليكو. جاديكنله هيدوف اين سباكاي تمبهن باكيكو دالم ستياف كبايكن، دان جاديكنله كمتاين سباكاي فموتوس دري ستياف كبوروقن.

جماعه يغ درحمتي الله،

تردافت امنت قائده اونتوق برمحاسبه، يايت:

فرتام: مولانن محاسبه ديري دغن مفتح سوا كفرضوان يغ واجب كاتس كيت اونتوق ميمقورناكنن. جك اد يغ ماسبه دابايكن برعزملة اونتوق ميمقورناكنن.

كلوا: محاسبه ديري ترهادف معصية، كموغكرون دان تكهن يغ كيت لاکوكن. جك تربات كيت ماسبه تربيت دغن سمو اين، برتوبه، براستغفار دان كمباليله كقد كطاعتن.

كيتك: محاسبه ديري ترهادف كاللاين دان كالفان. كمباليله كقد الله ﷺ دغن اوسها مغليغتين دغن ليه ممقربايكن سمبيغ-سمبيغ سنة اتاو برجماعه، مندرغ تذكيرة، برذكر دان مباح القرآن.

كامفت: محاسبه فد سلوروه ائكووتا توبوه كورنيان الله ﷺ سقريتي ليد، كاي، تاغن، مات، تليغا دان ائكووتا لاين. تابه ديري كيت سنديري، افكه سمو نعمت ترسيوت تله كيت كونانن اونتوق معجر كريضان الله ﷺ؟ جك كيت ماسبه جاوه درفد فركارا ترسيوت، ماريله كيت كمبالي كفتكل جالن، سلاكي حيات ماسبه دكاندوغ بادن.

جماعه يغ درحمتي الله،

سميمغن تاهون بهارو يغ حاضر اين تيدق اكن برمعنى سكران كيت ماسبه هيدوف تنفا توجوان دان بركلومغ دغن دوسا. اوليه ايت، محاسبهله ديري كيت، برتوبته دري سكل دوسا دان كجرله كريضان الله ﷺ اكر كيت برأوليه كبركن دنيا دان داخيرة كلق.

سسوغكوهن باكي مباحونكن سمولا كجيان دنيا دان داخيرة، فرلوله دمولاكن دغن محاسبه دان ممقربايكي ديري. اين كران ملالوغي محاسبه دان ممقربايكي ديري، كيت اكن ليه مغلي ديري كيت، مغلي كفواتن دان كلمهن كيت، مغلي فريستاسي دان ككورغن كيت، مغلي كفلوان دان كلبهن يغ سدبا اد ددالم ديري كيت.

اخيرن، سموك تاهون بهارو اين اكن سنتياس منجان سماغت يغ بهارو دان ممقربايكي لمان كيت اونتوق سنتياس ملاكوكن فراوبهن اونتوق منجادي انسان يغ ليه بايك. موده-مودهن تاهون بهارو اين اكن منجادي تاهون يغ ساغت برمعنى باكي كيت سمو دان بركة ديسي الله ﷺ. آمين يا رب العالمين.

كمودين اقبيل ائكاو تله برعزم (اونتوق ربوات سسواتو سسوده برمشاورت) ملك برتوكل له كقد الله (ملقساناكنن). سسوغكوهن الله ماسبه اورغ-اورغ يغ برتوكل. {سورة آل عمران آية : ١٥٩}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قُورَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَّاهُ الْقَائِمِينَ.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْظَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذُنُوبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri

Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)

atau

Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)

atau

Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)

bagi

Daerah Tutong

1. Kampung Merimbun,
Mukim Rambai
2. Rancangan Perumahan
Negara Bukit Beruang
Kawasan 2, Mukim Telisai
3. Rancangan Perumahan
Negara Bukit Beruang
Kawasan 4, Mukim Telisai
4. Kampung Bukit Sulang,
Menengah dan Panchong,
Mukim Lamunin

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Tutong,
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri dengan sukacitanya
mempelawa dan menjemput
penduduk-penduduk yang
bermastautin di kampung yang
tersenarai di atas bagi untuk
menghadapkan pencalonan bagi
mengisikan jawatan sebagai
Ketua-Ketua Kampung.

Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

Bahagian Institusi Mukim
dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah pada
Khamis, 5 Februari 2026
jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian +673
4222491 Ext. 110 / 111 atau
alamat E-mel kepada
imk.jdt@tutong.gov.bn



Jawatan Kosong Sebagai

Penghulu Mukim Tingkat III -
PMKK.4
(BND3,880 - BND4,240)

Bagi

Daerah Tutong

Mukim Rambai

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Tutong,
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri dengan sukacitanya
mempelawa dan menjemput
penduduk-penduduk yang
bermastautin di Daerah Tutong
untuk menghadapkan
pencalonan bagi mengisikan
jawatan sebagai Penghulu
Mukim Rambai, Daerah Tutong.

Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

Bahagian Institusi Mukim dan
Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah pada
Khamis, 5 Februari 2026,
jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian
+6734222491 sambungan 110 /
111 atau alamat E-mel kepada
imk.jdt@tutong.gov.bn


**JABATAN KEMAJUAN
PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Tawaran-tawaran adalah
dipelawa dari Pembarong yang
berdaftar di
Kementerian Pembangunan
dalam Kelas II dan keatas
sahaja dan Kategori Kerja
KPB01 bagi:

Bilangan dan Nama Projek:
JKP / 01 / 2026

Kerja-Kerja Penyelidikan Tanah
Bagi Cadangan Pembinaan
Di Perumahan Negara
Kampung Salambigar,
Negara Brunei Darussalam

Tender Information Pack boleh
dipohonkan dan didapati dengan
menghantar e-mel kepada
tender.jkp@hdd.gov.bn.

Tarikh Buka Tawaran:
Isnin,
5 Januari 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Januari 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tempat Tutup:
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama
Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran:
BND100.00
[Tidak dikembalikan]

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
[Tidak dikembalikan]
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]


**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
(165) INFO / PK / K / 7
(2025-2026)
Pembekalan Custom Sticker

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,
8 Januari 2026,
Jam 8.00 Pagi



Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:

(166) INFO / PK / K / 7 (2025-2026)
Membekal Lapel Pin Khas Bagi
Majlis Membaca Surah Yaa Siin,
Tahlil Dan Doa Kesyukuran
Sempena Sambutan Ulang Tahun
Ke-70 Bahagian Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri

Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:

(167) INFO / PK / K / 7 (2025-2026)
Mencetak Buku Yaa Siin Dan Tote
Bag Bagi Majlis Membaca Surah
Yaa Siin, Tahlil Dan Doa
Kesyukuran Sempena Sambutan
Ulang Tahun Ke-70 Bahagian
Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri

Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:

(168) INFO / PK / K / 7 (2025-2026)
Membekal Straight Tension
Backwall Display Bagi Majlis
Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil
Dan Doa Kesyukuran Sempena
Sambutan Ulang Tahun Ke-70
Bahagian Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri

Yuran:

Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:

Khamis,
8 Januari 2026,
Jam 8.00 Pagi


KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi
Rancangan Pemakanan
Sekolah Dan Program Harapan
2025

DA / JKSH / 145 / 2025 / 2026
[BPPA-JAN-2026]

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Keperluan
Rancangan Pemakanan Sekolah
Bahagian Makan Bagi:
a) Sekolah Rendah Panchong
b) Sekolah Rendah Benutan
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Kod Blok: MKN / 03

Bagi Tempoh Lima (5) Bulan

DA / JKSH / 146 / 2025 / 2026
[BPPA-JAN-2026]

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Keperluan
Rancangan Pemakanan Sekolah
Bahagian Asrama Kering Bagi:
Maktab Duli Pengiran Muda
Al-Muhtadee Billah, Gadong
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Kod Blok: AK / 01
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan

DA / JKSH / 147 / 2025 / 2026

[BPPA-JAN-2026]

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar
Keperluan-Keperluan
Pemakanan (Makan Tengah
Hari) Bagi Program Harapan:
Sekolah Rendah Sungai
Teraban
Sekolah Rendah Labi
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Kod Blok: PH / T8
Bagi Tempoh Enam (6) Bulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:

Sabtu,
10 Januari 2026
Jam 9.00
Pagi





KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 005
[JPPK / LTN / 03 / 2025]
Structural Integrity Assessment Of Various Accommodation And Operational Buildings Within MINDEF Establishments

Kelas:
VI dan ke Atas

Kategori:
KA01 dan / atau KPB18

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sembilan (09) Bulan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Selasa, 27 Januari 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 003 (QS)
[JPPK / LTN / 11 / 2025 (QS)]
Quantity Surveyor Consultancy Services For The Proposed Airstrip For Royal Brunei Armed Forces

Tarikh Mula Tawaran:
15 Disember 2025

Syarat Penyertaan:
A Qualified Person Authorised by Practicing Certificate issued by BAPEQS at Ministry of Development

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sehingga Penyiapan Defects Liability Period (DLP) bagi Projek Pembinaan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu pada **Selasa, 20 Januari 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
27 Januari 2026
(Selasa)
Jam 2.00 petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 003 (ARCH)
[JPPK / LTN / 11 / 2025 (ARCH)]
Architect Consultancy Services For The Proposed Airstrip For Royal Brunei Armed Forces

Tarikh Mula Tawaran:
15 Disember 2025

Syarat Penyertaan:
A Qualified Person Authorised by Practicing Certificate issued by BAPEQS at Ministry of Development

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sehingga Penyiapan Defects Liability Period (DLP) bagi Projek Pembinaan

Yuran Tawaran:
BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu pada **Selasa, 20 Januari 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
27 Januari 2026
(Selasa)
Jam 2.00 petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 003 (M&E)
[JPPK / LTN / 11 / 2025 (M&E)]
Mechanical & Electrical Consultancy Services For The Proposed Airstrip For Royal Brunei Armed Forces

Tarikh Mula Tawaran:
15 Disember 2025

Syarat Penyertaan:
A Qualified Person Authorised by Practicing Certificate issued by BAPEQS at Ministry of Development

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sehingga Penyiapan Defects Liability Period (DLP) bagi Projek Pembinaan

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu pada **Selasa, 20 Januari 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
27 Januari 2026
(Selasa)
Jam 2.00 petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 003 (C&S)
[JPPK / LTN / 11 / 2025 (C&S)]
Civil & Structural Consultancy Services For The Proposed Airstrip For Royal Brunei Armed Forces

Tarikh Mula Tawaran:
15 Disember 2025

Syarat Penyertaan:
A Qualified Person Authorised by Practicing Certificate issued by BAPEQS at Ministry of Development

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sehingga Penyiapan Defects Liability Period (DLP) bagi Projek Pembinaan

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu pada **Selasa, 20 Januari 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
27 Januari 2026
(Selasa)
Jam 2.00 petang



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(18-2025)JAPEM / 2.3 / 4 / 03
Pembekalan Dan Penghantaran Kartrij Dakwat Dan Toner Pencetak Bagi Kegunaan Pegawai Dan Kakitangan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(19-2025)JAPEM / 2.3 / 4 / 03
Pembekalan Dan Penghantaran Sampul Surat Percetakan Urusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Bagi Semua Unit Dan Bahagian Dibawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) Untuk Tempoh 12 Bulan

Tarikh Tutup:
Khamis,
15 Januari 2026,
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
23 / BBS / SH / 2025 - 2026

Keterangan Projek:
Kerja - Kerja Memasang Sinta Aras Satu (1) Pasar Lama, Jalan Mckerron, Kuala Belait
Dibukakan kepada pemborong yang berdaftar dengan **Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam**

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
13 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



Notis Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
11 / DISEMBER / 2025 / PSB / PD.575
Kursus Penggunaan Artificial Intelligence (A.I.) Dalam Kerja Sehari-hari Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
15 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / PBD / 01-12 / 2025-2026
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Peralatan Pejabat Bagi Kegunaan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / CRP / 01-12 / 2025-2026
Sebut Harga Bagi Mencetak, Membekal Dan Menghantar Fail Dan Sampul Surat Bagi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
7 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2025 / Q18
Invitation To Supply And Delivery Of Warranty Extension For Dell Server For Ministry Of Development

Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut Harga:
BND9.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:
Khamis,
8 Januari 2026

Tarikh Tutup:
Isnin,
12 Januari 2026
Jam 9.00 Pagi



KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

BERUS PENCUCI BOTOL DIDAPATI DIPERBUAT DARIPADA BULU KHINZIR

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai aduan yang telah diterima oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal, JHES berhubung penjualan bahan guna berus pencuci botol jenama PAL Collection di salah sebuah pasar raya di negara ini yang disyaki diperbuat daripada bahan tidak halal.

Susulan aduan berkenaan, analisis telah dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan pada 22 Disember 2025 dan hasil analisis berkenaan telah mengesahkan bahawa bahan guna berus pencuci botol PAL Collection diperbuat daripada bulu khinzir.

Oleh yang demikian, bagi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di negara ini, JHES telah menegaskan kepada pemilik perniagaan berkenaan

supaya mengasingkan serta-merta penjualan berus pencuci botol jenama PAL Collection daripada produk-produk lain dan hanya membenarkan berus pencuci botol jenama PAL Collection di bahagian tidak halal (*non-halal section*) serta tidak terdedah kepada masyarakat Islam.

Dalam hal ini, KHEU turut mengingatkan para pemilik pengusaha, peniaga, pembekal dan pengimport supaya lebih berwaspada dan peka terhadap produk-produk serta barangan guna import yang dipasarkan kepada orang ramai, bagi memastikan produk-produk yang dijual adalah suci dan bersih serta tidak bercampur dengan bahan yang tidak halal.

Langkah ini adalah penting bagi memelihara kepentingan dan maslahat masyarakat Islam di negara ini daripada mengambil dan menggunakan produk serta barangan guna yang tidak halal.

Di samping itu, KHEU

merakamkan setinggi - tinggi penghargaan dan terima kasih kepada orang ramai atas maklumat dan aduan yang disampaikan.

Orang ramai juga disaran agar terus peka serta menyalurkan aduan sekiranya terdapat sebarang maklumat berkaitan penjualan produk tidak halal dijual secara terbuka di premis-premis perniagaan.

Sebarang aduan atau maklumat lanjut bolehlah disalurkan kepada JHES melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal menerusi talian +673 7166222 atau dengan menghubungi mana-mana Pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di setiap daerah.

BERUS pencuci botol PAL Collection telah disahkan diperbuat daripada bulu khinzir.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



Pentingkan kualiti *livecook*, mampu jana pendapatan sampingan



PENGUSAHA khidmat *livecook*, Dayang Siti Norain binti Abd. Rahman (atas), sementara gambar kanan, antara menu *livecook* beliau.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Januari. - Perkhidmatan *livecook* sekarang sudah semakin berkembang yang diusahakan secara rumah ke rumah dalam menjana pendapatan tambahan untuk menampung perbelanjaan

seharian.

Justeru, kebanyakan para peniaga secara *livecook* kini mendapat sambutan terutama sekali sebagai pemudah cara penyediaan sebarang majlis dan menyediakan pelbagai menu dan juadah selain keenakan pada juadah itu sendiri.

Pelita Brunei sempat menemui salah seorang pengusaha khidmat *livecook*, Dayang Siti Norain binti Abd. Rahman yang sudah berkecimpung dalam perniagaan itu sejak tahun 2023 menyatakan *livecook* tersebut telah memberikannya banyak kenangan manis terutama sekali *feedback* yang berpuas hati daripada para pelanggannya.

Meskipun baru berjinak-jinak dalam perniagaan *livecook* lebih kurang dua tahun, Dayang Siti Norain bersyukur atas rezeki yang diperoleh. Tidak dinafikan perniagaan tersebut semakin mendapat sambutan yang begitu menggalakkan di samping menetapkan standard *livecook*

agar lebih konsisten menepati cita rasa pelanggan.

"Saya menyediakan menu *livecook* saya seperti makanan hidangan untuk diri sendiri dan saya juga mengikuti kehendak pelanggan dan Alhamdulillah setakat ini memang mengena dengan tekak mereka yang mencuba hidangan dan masakan yang kami sediakan.

"Melihat kepuasan pada wajah pelanggan adalah satu keutamaan saya malah memberikan semangat untuk meneruskan khidmat *livecook* saya ini," katanya lagi.

Memang tidak dinafikan bahawa khidmat *livecook* merupakan inisiatif kemudahan untuk menyediakan juadah dalam suatu majlis atau acara, lebih-lebih lagi menyajikannya secara 'panas-panas' atau *fresh from the kitchen* yang boleh menaikkan selera memakannya.

Dayang Siti Norain percaya bahawa rezeki tidak pernah salah alamat jika tempahan *livecook*nya



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Siti Norain Abd. Rahman

terus ditempah terutama sekali pada acara minggu seperti Majlis Doa Selamat, Majlis Pertunangan, tahlil dan sebagainya.

Selain itu, beliau juga paling banyak menerima tempahan pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha serta mendahului secara tempahan *first booking first serve basis*.

"Dalam mengendalikan perniagaan *livecook* saya ini, saya juga mendidik anak-anak saya untuk membantu saya pada waktu mereka tidak bersekolah dan musim cuti sekolah agar mereka dipupuk sikap mandiri dan mengajar mereka untuk membantu saya untuk mendapatkan pendapatan sampingan hasil daripada titik peluh yang dikerjakan," tambahnya lagi.

Dayang Siti Norain tidak menafikan bahawa khidmat *livecook* ini ada cabaran-cabarannya baik dari segi letih, kesihatan, tenaga dan juga mental yang perlu diperhatikan serta aspek kebersihan itu yang paling utama dalam memastikan kualiti makanan sentiasa terjamin dan dipelihara untuk memenangi kepercayaan para pelanggan.

Livecook yang diusahakannya seperti goreng - gorengan, nasi katok dan soto setakat ini membuatkan mereka memanjangkan kesyukuran berikutan hasil rezeki dari *livecook* itu sedikit sebanyak dapat membantu menampung perbelanjaan harian mereka terutama sekali buat

anak-anaknya yang masih bersekolah lagi.

Beliau menggunakan media sosial sebagai platform bagi memperkenalkan lagi perniagaannya menerusi TikTok - *ainkitchen* dan Facebook - *norain norain*.

Dayang Siti Norain berharap agar anak-anak muda untuk tidak segan silu menceburi bidang perniagaan mengikut minat masing-masing asalkan tidak melanggar sebarang peraturan dan yang paling penting jujur dan ikhlas dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan agar keberkahan selalu mengiringi dalam rezeki yang diperoleh nanti.

'Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan' di samping bertawakal dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta berikhtiar, sesuatu yang sukar itu akan dipermudahkan bak kata peribahasa berbunyi 'Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian. Bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian'.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Pendidikan'. Tarikh Tutup : 7 Januari 2026
2. 'Krisis Kanak-kanak Obesiti Perlu Ditangani'. Tarikh Tutup : 14 Januari 2026
3. 'Peranan 1K1P dalam Memperkasakan Komuniti Kampung'. Tarikh Tutup : 21 Januari 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

IKLAN

DynamicsGrow, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. Hubungi kami +673 8265111 untuk pertanyaan lanjut.

IMBASAN MINGGUAN



ANTARA persembahan semasa Orkestra Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang merupakan sebahagian daripada acara Festival Disember Brunei 2025 berlangsung di kawasan pusing keliling berhadapan Bangunan Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan (kiri dan atas).
- Foto : Mohammad Hasif Matzin.

NADI Quranic Learning Centre (NQLC), Serusop semasa mengadakan NQLC Serusop Open Day! berlangsung di pusat Nadi berkenaan.
- Foto : Nurdiyanah Rajami.



KEMPEN Kebersihan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan di beberapa lokasi yang dikenal pasti di Daerah Belait bertujuan untuk menghidupkan sifat bergotong-royong seterusnya mengeratkan ukhuwah semasa insan. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.

SEBAHAGIAN kanak-kanak menjalankan aktiviti mereka di Pusat Penjagaan Kanak-kanak Alya Playhouse. - Foto : Azmah Haji Ahad.



SALAH seorang pengunjung kanak-kanak semasa mengunjungi SMNF Payau Farm yang terletak di Kampung Pad Nunok Lamunin, kawasan Wasai Batu Mapan, Mukim Kiudang, Tutong. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.

AZAM TAHUN BAHARU : ISTIQAMAH KUNCI PERUBAHAN DIRI



MASYARAKAT diseru agar menjadikan tahun baharu sebagai titik muhasabah diri terhadap kelemahan dan kekurangan yang perlu diperbaiki.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Januari. - Tahun baharu sering disambut dengan pelbagai azam dan harapan sebagai langkah permulaan ke arah kehidupan yang lebih baik dan sempurna.

Antara azam yang selalu diberi perhatian ialah usaha untuk istiqamah dalam memperbaiki diri dan meningkatkan kualiti ibadah sebagai asas pembentukan sahsiah dan kesejahteraan rohani.

Azam tahun baharu yang berteraskan pembangunan

rohani mampu membentuk keseimbangan antara keperluan duniawi dan ukhrawi.

Amalan seperti menjaga sembahyang lima waktu, memperbanyakkan membaca Al-Quran serta memperkukuh akhlak dan hubungan sesama manusia merupakan langkah penting ke arah perubahan diri yang berterusan.

Walaupun perubahan besar sukar dicapai dalam masa singkat, namun amalan kecil yang dilakukan secara berterusan diyakini mampu memberi kesan positif dalam jangka panjang.

Sikap istiqamah dilihat sebagai kunci utama dalam memastikan azam yang ditetapkan tidak hanya kekal sebagai perancangan pada awal tahun.

Cabaran dan godaan dalam kehidupan seharian sering menjadi punca kegagalan seseorang mengekalkan amalan baik yang telah dimulakan.

Ramai individu memulakan tahun baharu dengan senarai azam yang panjang, namun

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin

hakikatnya tidak semua mampu bertahan hingga ke penghujung tahun. Antara cabaran yang selalu dihadapi ialah semangat yang hanya bersifat sementara, kurang disiplin diri serta ketiadaan sistem pemantauan yang berkesan.

Selain itu, sikap tidak konsisten dan pengaruh persekitaran negatif seperti rakan sebaya atau gaya hidup yang melalaikan turut menjadi faktor kegagalan dalam merealisasikan azam yang telah ditetapkan.

Keadaan berkenaan menunjukkan bahawa azam yang dibina tanpa perancangan dan kesedaran mendalam cenderung untuk terhenti di pertengahan jalan.

Oleh itu, sokongan daripada keluarga, rakan dan persekitaran yang positif amat penting dalam membantu individu terus berusaha memperbaiki diri.

Sehubungan itu, masyarakat diseru agar menjadikan tahun

baharu sebagai titik muhasabah diri terhadap kelemahan dan kekurangan yang perlu diperbaiki.

Dalam konteks Islam, azam bukan hanya janji kepada diri sendiri, tetapi merupakan komitmen yang disertai niat, usaha dan kebergantungan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Tanpa asas berkenaan, azam akan mudah luntur apabila berdepan dengan ujian dan cabaran kehidupan seharian.

Tahun baharu menyediakan ruang dan peluang untuk bermuhasabah serta merancang perubahan, manakala azam pula berfungsi sebagai arah dan panduan dalam melaksanakan perubahan berkenaan.

Dengan gabungan azam yang jelas, usaha yang berterusan serta tawakal yang tulus kepada Allah Subhanahu Wata'ala, seseorang Muslim mampu melangkah ke tahun baharu dengan penuh keyakinan dan harapan.

Amalkan penjagaan kebersihan setiap masa

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Januari. - Islam menitikberatkan aspek kebersihan kerana ia merupakan sebahagian daripada iman dan justeru itu, kebersihan bukan sekadar perkara fizikal semata-mata namun ia juga dimensi spiritual berkaitan dengan iman seseorang itu.

Kepentingan menjaga kebersihan itu wajar dipraktikkan

meskipun di mana jua kita berada kerana ia adalah menjadi satu tanggungjawab kita. Jika ada terlihat sampah berselerakan, kita hendaklah tidak *camah* mata serta sentiasa ringan tangan untuk mengutipnya dan seterusnya membuangnya ke tempat pembuangan atau tong sampah yang telah disediakan.

Sehubungan itu, ibu bapa atau

penjaga harus mendidik dengan mempraktikkan dan sentiasa memperingatkan anak-anak untuk membuang sampah ke tempat yang disediakan agar pembelajaran praktikal sedari awal sedemikian akan menjadi satu amalan dan terbiasa sampai bila-bila.

Selaku ibu bapa dan penjaga pula, hendaklah sentiasa menjadi contoh dan teladan yang baik kepada anak-anak dengan amalan penjagaan kebersihan walau di mana pun berada waima setelah selesai berkelah di pantai. Pastikan semua sampah jangan dibiarkan merata tempat, begitu juga apabila berkunjung ke bazar, tamu dan sebagainya.

Kita setentunya tidak senang melihat apabila ada segelintir



individu yang tidak bertanggungjawab melonggokkan sampah sewenang-wenangnya dan membiarkannya begitu sahaja. Perkara berkenaan boleh

menyebabkan kehadiran binatang berkeliaran mengotori tempat berkenaan sekali gus boleh menyebabkan pencemaran udara dan bau. Ini boleh menyusahkan pihak lain dan menjadikannya satu pencemaran yang tidak sihat.

Kebersihan itu juga terpancar kepada sifat seseorang sama ada ia seorang yang selalu menerapkan kebersihan diri, rumah dan sekelilingnya begitu juga sebaliknya yang pengotor.

Penjagaan kebersihan bukanlah satu pilihan namun ia kewajiban setiap individu dalam menjalani kehidupan seharian yang bukan sahaja mendatangkan kebaikan dan kesihatan kepada diri sendiri malah sekeliling kita dan ia juga mendapat pahala.

Oleh yang demikian, Islam sangat menekankan kebersihan diri kerana kebersihan adalah jambatan antara iman dan amal serta antara dunia dan akhirat.

Tinggal lebih masa, 3 warga asing didakwa

Siaran Akhbar : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Januari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) mengongsikan tiga sesi pendakwaan yang telah dijalankan bagi kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mansuh.

Sesi pendakwaan terhadap Md Rusna, iaitu seorang lelaki warganegara Republik Rakyat Bangladesh berumur 26 tahun telah dijatuhkan hukuman penjara selama lima bulan dan tiga kali sebatan setelah mengaku bersalah bagi kesalahan berkenaan. Hukuman berkuat kuasa pada 16 Disember 2025.

Sementara sesi pendakwaan terhadap Abiyar Rista Yufrindah, seorang perempuan warganegara Republik Indonesia berumur 28 tahun telah mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara selama lima bulan dan denda sebanyak BND800.

Walau bagaimanapun, individu gagal untuk membayar denda berkenaan dan diganti dengan satu bulan penjara yang menjadikan jumlah pemenjaraan individu berkenaan kepada enam bulan. Hukuman berkuat kuasa pada 24 Disember 2025.

Manakala sesi pendakwaan terhadap Muhamad Waluyo, seorang lelaki warganegara Republik Indonesia berumur 37 tahun telah mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara selama empat bulan dan tiga kali sebatan. Hukuman berkuat kuasa pada 24 Disember 2025.

Sehubungan itu, JIPK mengalu-alukan kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan pesalah-pesalah imigresen untuk menghubungi terus ke Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 atau +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) atau +673 8984111 (Kuala Belait).



KEPENTINGAN menjaga kebersihan menjadi satu tanggungjawab dan tanamkan sikap tidak *camah* mata serta sentiasa ringan tangan untuk mengutip sampah dan membuangnya ke tempat pembuangan atau tong sampah yang telah disediakan (atas dan kiri).

Belia Berwawasan



Belia berwawasan, buru impian

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

GOLONGAN belia perlu tampil sebagai agen perubahan dalam menghadapi cabaran semasa dengan berteraskan semangat, keberanian dan idealisme demi membina sebuah negara yang lebih adil, makmur dan berdaya saing.

Negara memerlukan belia yang celik, berprinsip dan berwawasan, bukan yang terperangkap dalam polemik remeh yang memecahbelahkan. Masa depan negara dibina bersama generasi muda yang berani dan berintegriti. Teruslah melangkah ke hadapan. Masa depan negara kita bermula dengan belia berwawasan.

Begitulah juga dengan belia kita Aiman bin Haji Ismad, berusia 23 tahun dari Kampung Biong, Lamunin, Tutong yang pada mulanya secara 'suka-suka' menghasilkan kraf tangan dalam membuat pedang kayu berubah menjadi usaha yang mampu membuahkan pendapatan sampingan. Bagi Aiman yang merupakan pelajar lulusan Diploma Level 5 in Digital Media Politeknik Brunei

dan ketika ini meneruskan pengajian di Universiti Brunei Darussalam dalam Degree in Arts.

Aiman yang sememangnya sejak kecil lagi begitu berminat membuat mainan daripada kayu seperti busur panah, pedang, perisai, kapal terbang, justeru terbawa-bawa sehingga beliau dewasa dengan mempelajarinya sendiri melalui buku-buku yang dikumpul oleh ayah beliau dan juga melalui internet. Namun dalam bidang pertukangan kayu pula, dia mempelajarinya sendiri dengan melihat gambar-gambar dan mencuba untuk membuat menggunakan *cutter* dan fail.

Namun apa yang menarik dan mendorong diri Aiman untuk melibatkan diri dalam bidang pertukangan kayu terutamanya pembuatan senjata kayu apabila ia membaca tentang Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan selepas mempelajari bahawa dengan mempelajari panah, kuda dan pedang adalah sunnah dan inilah yang mendorong untuknya

mula mempelajari membuat pedang.

"Sampai ke dewasa pun saya masih minat pedang dan mula melihat seterusnya mencuba mempelajari HEMA (Historical European Martial Arts) kerana ia melibatkan pedang dan apa sahaja jenis senjata yang telah wujud zaman sejarah tersebut dan dari sinilah juga saya mula menjinakkan diri membuat pedang kayu yang dikenali di negara barat sebagai Pedang 'Wooden Waster' atau 'Dussack'.

"Saya juga berhajat untuk mula membawa masuk HEMA sebagai sukan kerana ianya boleh membawa aspek praktikal kepada mempelajari sejarah Brunei Darussalam kerana penggunaan silat dengan senjata boleh dipraktikkan di dalam HEMA juga lagipun ia sunnah untuk mempelajari pedang," ujar Aiman.

Aiman juga turut menjelaskan bahawa sejauh ini sudah ada beberapa pelanggan yang memang berminat untuk menjadikan pedang atau senjata kayu sebagai koleksi mereka turut membuat tempahan melaluinya dengan menggunakan kayu palang meranti.

Bagi Aiman pula, menghasilkan senjata seperti pedang yang diperbuat daripada hasil tangan beliau sendiri seterusnya menjual ke orang ramai adalah satu pencapaian paling besar bagi beliau.

Menyentuh dengan modal pula lebih kurang BND286 telah dimasukkan untuk sewa, material, alat dan juga *banner*. InsyaaAllah untuk mengembangkan lagi usaha kecil-kecilan ini Aiman juga berhasrat untuk mendapatkan alat lebih canggih, mesin jahit baharu untuk kegunaan dalam menghasilkan kraf tangan yang diinginkan.

"Kepada para belia di luar sana, saya juga turut menyarankan agar jangan takut untuk mencuba, walaupun kita gagal untuk pertama kalinya namun tidak bermakna gagal buat selama-lamanya, jadikanlah kegagalan tersebut sebagai pembakar semangat untuk terus mencuba dan jadikan kegagalan tersebut sebagai pengajaran kita seterusnya kerana bagi saya lebih baik rugi untuk mengetahuinya daripada rugi kerana tidak mengetahui kegagalan kita," ujar Aiman menamatkan temu bual bersama Pelita Brunei.



Telus, amanah, integriti beri perkhidmatan terbaik

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

INTEGRITI adalah aspek penting berkaitan erat dengan nilai akhlak mulia yang seharusnya dimiliki setiap orang. Kepentingan berintegriti melampaui kebaikan peribadi; ia membawa faedah yang luas, tidak hanya kepada individu tetapi juga memberikan impak positif terhadap organisasi, komuniti dan pada skala yang lebih besar kepada negara.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Anfaal, ayat 27 bermaksud : *"Wahai orang beriman. Jangan kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (jangan) kamu mengkhianati amanah kamu, sedang kamu mengetahuinya (salahnya)".*

Dalam konteks pengurusan dan tadbir urus organisasi, pembudayaan integriti memerlukan kefahaman dan kesedaran bahawa etika itu mesti diamalkan dan mengabaikannya akan membawa kerosakan bukan sahaja kepada diri sendiri, tetapi juga kepada orang lain dan organisasi. Ini kerana setiap tugas adalah amanah yang perlu dilaksanakan dengan tanggungjawab.

Realiti harus diterima bahawa amanah dan integriti adalah dua perkara penting menjadi cerminan kepada keimanan Muslim. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dihormati dan dikagumi sebagai contoh teladan sempurna dalam menjalankan peranan sebagai hamba Allah memiliki integriti tinggi, sehingga dikenali dengan gelaran 'Al-Amin', yang bererti 'sangat dipercayai', menggambarkan kepercayaan dan penghormatan besar diberikan kepadanya.

Empat sifat teras nilai integriti

Empat nilai keperibadian dan sifat terpuji Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjadi teras kepada nilai integriti iaitu siddiq (sangat benar), amanah (dipercayai), tabligh (menyampaikan), fathanah (bijaksana).

Cabaran utama dalam merealisasikan pematuhan terhadap integriti dalam lingkungan kerja adalah disebabkan sikap individu atau organisasi kurang bertanggung jawab menjalankan tugas mereka. Antara cabaran membudayakan amanah integriti antaranya adalah :

- Rasuah

Pentingnya memerangi rasuah, termasuk mendidik masyarakat bahawa impak buruk ditanggung mereka yang terbabit, sama ada

pelaku atau penerima rasuah.

- Pentadbiran

Dalam konteks kerja, khususnya membabitkan sektor kerajaan, proses kelulusan dan pelaksanaan sering kali mengalami kelewatan. Ini disebabkan keperluan untuk mematuhi pelbagai peraturan dan melalui beberapa tahap pengesahan. Bagi mencapai sistem penyampaian efektif, kolaborasi erat antara pelbagai tahap organisasi adalah penting, daripada pengurusan tertinggi hingga pekerja lapangan. Kesedaran ini penting kerana pentadbiran yang tidak efisien boleh menyebabkan tekanan dan mengurangkan produktiviti pekerja, serta menimbulkan ketidakpuasan orang awam.

Cuai

Terdapat segelintir pekerja melaksanakan tugas yang diamanahkan secara sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh. Sikap sebegini jika terus berlanjutan, setentunya akan menjejaskan prestasi sesebuah organisasi kerana tugas dilaksanakan tidak berkualiti atau tidak mencapai tahap memuaskan. Oleh yang demikian, setiap penjawat awam perlu menjalankan tugas yang diberikan dengan tekun, amanah dan bertanggungjawab kerana ini akan memberikan impak positif terhadap masyarakat awam.

Maqasid Syariah

Dalam konteks Maqasid Syariah, melahirkan penjawat awam bermaksud membina sistem, budaya dan individu yang menjaga kemaslahatan umum selaras dengan tujuan utama syariah. Kita perlu memahami Maqasid Syariah sebagai asas integriti kerana ia bertujuan untuk memelihara lima perkara utama, iaitu :

1. Agama
2. Nyawa
3. Akal
4. Harta
5. Maruah / Keturunan

Oleh itu, integriti penjawat awam bermakna setiap tindakan, keputusan dan dasar tidak bercanggah dengan lima prinsip ini.

Dalam pembentukan individu, penting untuk seorang itu mempunyai pendidikan kerohanian dan etika kerja berterusan iaitu amanah, jujur dan ihsan.

Di samping itu juga seorang penjawat awam perlu menanam kesedaran bahawa tugas awam adalah ibadah dan amanah, bukan peluang kepentingan diri.

Justeru, bagi melaksanakan sistem pentadbiran yang adil dan telus prosedur kerja yang jelas, telus dan boleh diaudit perlu dilaksanakan. Selain itu, pengurusan kewangan hendaklah bebas rasuah, salah guna kuasa dan pembaziran.

Dalam konteks Maqasid Syariah, konsep memelihara nyawa (Hifz-Nafs) sangat relevan dengan peranan dan tanggungjawab penjawat awam kerana mereka memegang amanah mengurus kepentingan rakyat dan keselamatan umum. Penjawat awam bertanggungjawab memastikan setiap dasar, perkhidmatan dan tindakan pentadbiran tidak membahayakan nyawa rakyat. Melindungi keselamatan individu dan masyarakat.

Keseluruhan Maqasid Syariah

- Mengutamakan kepentingan rakyat berbanding kepentingan peribadi atau politik.
- Keputusan dasar dinilai dari sudut manfaat dan mudarat kepada masyarakat.
- Mengamalkan prinsip akauntabiliti (bertanggungjawab dunia dan akhirat).

Melahirkan penjawat awam berintegriti menurut Maqasid Syariah memerlukan :

- Individu berakhlak
- Sistem yang adil
- Undang-undang yang tegas
- Budaya kerja berasaskan maslahah

Apabila Maqasid Syariah dijadikan kerangka utama, integriti bukan sekadar slogan, tetapi cara hidup dan cara mentadbir.

Menghadapi tahun baharu

Persediaan menghadapi tahun baharu berteraskan Maqasid Syariah bagi seorang penjawat awam, dengan fokus kepada amanah, integriti dan kesejahteraan diri serta masyarakat.

Memelihara agama adalah fokus utama sebagai persediaan rohani dan etika kerja :

- Muhasabah niat : Bekerja sebagai ibadah dan amanah kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta rakyat.

- Memperbaiki amalan asas (solat tepat waktu, doa, zikir) agar nilai agama memandu keputusan kerja.

- Menjauhi rasuah, salah guna kuasa dan budaya kerja yang bercanggah dengan syariah.

- Membuat kerja sebaik mungkin walaupun tidak diperhatikan. Keikhlasan, ketelusan akan menjadikan budaya kerja menjadi mudah dan seronok.

Memelihara nyawa dan kesejahteraan

Seorang penjawat awam perlu mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang kuat. Oleh kerana itulah maka perlu untuk merancang gaya hidup sihat : pemakanan seimbang, rehat yang cukup serta rajin bersenam. Tekanan kerja perlu diurus secara berhemah dan mendapatkan sokongan jika perlu supaya tidak memudaratkan diri sendiri. Keselamatan di tempat kerja juga sangat penting dan mematuhi SOP.

Memelihara akal

Peningkatan ilmu dan profesionalisme sangat penting untuk meningkatkan keupayaan kerja. Ini dapat dilaksanakan dengan merancang latihan, kursus, atau pembacaan untuk meningkatkan kompetensi. Penjawat awam juga perlu menjauhi perkara yang merosakkan akal seperti terjerumus dalam budaya toksik. Sentiasa berfikir kritis dan membuat keputusan berasaskan undang-undang.

Memelihara keturunan dan keluarga

Keseimbangan antara kerja dan keluarga adalah penting. Seorang yang bijak perlu mengurus masa agar tanggungjawab terhadap keluarga tidak terabai. Ini kerana sebagai seorang bapa atau ketua keluarga, dia perlu menjadi teladan akhlak dan menunjukkan disiplin yang baik kepada anak-anak. Rancang cuti dan waktu berkualiti bersama keluarga tanpa menjejaskan amanah kerja.

Memelihara harta

Integriti kewangan dan pengurusan sumber adalah mustahak bagi seorang penjawat awam. Mengurus kewangan peribadi secara berhemah dan elak hutang berlebihan. Awda perlu menjaga harta awam, elak pembaziran, salah guna aset dan perolehan tidak telus. Justeru, dalam memelihara harta, awda perlu memastikan ketelusan dalam setiap urusan kewangan jabatan dengan mematuhi prosedur kewangan dengan teliti.

Sebagai kesimpulannya, wajar bagi semua peringkat masyarakat untuk bersama-sama menjaga integriti dalam setiap tindakan dan keputusan diambil, kerana hanya dengan integriti kukuh, dapat membentuk negara lebih baik, stabil dan harmoni. Sebagai seorang penjawat awam, kita perlu memberi perkhidmatan yang adil, cepat dan berempati tanpa diskriminasi.





PHIVOLCS FILIPINA : AMARAN TAHAP 3 GUNUNG BERAPI MAYON TIDAK MUNGKIN DIISYTIHARKAN

MANILA, 3 Jan. - Peningkatan status amaran Gunung Berapi Mayon ke Tahap 3 dilihat belum berkemungkinan buat masa ini, menurut Institut Vulkanologi dan Seismologi Filipina (Phivolcs) pada Jumaat.

"Setakat Jumaat, kami belum melihat petunjuk yang jelas dan berterusan untuk menaikkan amaran ke Tahap 3," kata Pengarah Phivolcs, Teresito Bacolcol kepada Agensi Berita Filipina (PNA).

Phivolcs merekodkan 43

kejadian runtuh batuan di Gunung Berapi Mayon dari 12 tengah malam 1 Januari hingga 12 tengah malam 2 Januari, sedikit menurun berbanding 47 kejadian yang dicatatkan dari 31 Disember 2025 hingga 1 Januari.

"Sekiranya kami mengesan peningkatan parameter, kami mungkin akan menaikkan amaran ke Tahap 3. Penilaian akan dibuat secara hari-ke-hari," katanya.

Phivolcs menaikkan status

amaran Mayon daripada Tahap 1 iaitu ketidakstabilan rendah kepada Tahap 2 yang menunjukkan tahap ketidakstabilan sederhana pada Khamis, susulan peningkatan mendadak kejadian runtuh batu serta pengembangan berterusan struktur gunung berapi itu.

Bacolcol berkata peningkatan runtuh batu berpunca daripada pergerakan bahan panas ke arah atas di dalam gunung berapi, yang

menyebabkan kubah puncak serta mendapan lava lama menjadi tidak stabil.

Disebabkan cerun Gunung Berapi Mayon yang curam, bahan-bahan ini mudah terlerai lalu mengakibatkan kejadian runtuh

batu, jelas beliau. Aktiviti sedemikian menunjukkan ketidakstabilan dalaman dan berpotensi mencetuskan peningkatan runtuh batu serta aliran piroklastik berkepadatan tinggi. - ©BERNAMA

Republik Indonesia perkenal khidmat masyarakat, mediasi ganti hukuman penjara

JAKARTA, 3 Jan. - Kanun Jenayah Kebangsaan (KUHP) dan Kanun Prosedur Jenayah (KUHP) yang baharu digubal di Republik Indonesia memperkenalkan khidmat masyarakat, pengantaraan dan pemulihan sebagai alternatif kepada hukuman pemenjaraan.

Menurut Agensi Berita ANTARA, KUHP baharu itu mencerminkan peralihan sistem keadilan jenayah negara berkenaan daripada pendekatan bersifat punitif atau retributif kepada pendekatan restoratif yang lebih mengutamakan pemulihan

serta rekonsiliasi.

Selain khidmat masyarakat dan pengantaraan, kanun itu turut memperuntukkan pemulihan perubatan atau sosial bagi pengguna narkotik, satu langkah yang bertujuan mengurangkan kesesakan penjara.

Kanun yang baharu dikuatkuasakan itu menggantikan peraturan lama, termasuk peruntukan yang diwarisi daripada undang-undang jenayah era penjajahan Belanda, sekali gus menandakan pembaharuan besar dalam landskap perundangan Republik Indonesia.

Sementara itu, KUHP memperkukuh prosedur penyiasatan, pendakwaan dan perbicaraan dengan meningkatkan ketelusan, melindungi hak mangsa dan saksi, memperluas mekanisme pampasan, serta mengintegrasikan sistem digital bagi meningkatkan kecekapan.

Walau bagaimanapun, kedua-dua kanun tersebut tidak bersifat retrospektif. Ini bermakna, kes-kes yang telah dimulakan sebelum tarikh penguatkuasaan akan tetap diadili di bawah undang-undang terdahulu. - ©BERNAMA

2025 tahun terpanas, paling cerah dalam sejarah United Kingdom

LONDON, 3 Jan. - Pejabat Meteorologi mengesahkan 2025 sebagai tahun terpanas dan terpanjang paling cerah pernah direkodkan di United Kingdom (UK), lapor Agensi Berita Emirates (WAM).

Menurut data sementara, purata suhu tahunan mencecah 10.09 darjah Celsius, melepasi rekod sebelum ini iaitu 10.03 darjah Celsius yang dicatatkan pada 2022.

Dengan pencapaian itu, 2025 menyertai 2022 dan 2023 sebagai tiga tahun terpanas pernah direkodkan, serta menjadi hanya tahun kedua purata suhu tahunan UK melebihi 10 darjah Celsius.

Tempoh 12bulan lalu juga merupakan yang paling cerah pernah direkodkan, dengan 1,648.5 jam cahaya matahari dicatatkan di seluruh negara, iaitu 61.4 jam lebih tinggi berbanding rekod sebelum ini yang direkodkan pada 2003.

Selain itu, 2025 juga akan diingati sebagai tahun berlakunya kejadian ribut kencang yang paling ketara bagi abad ini, iaitu Ribut Eowyn. - ©BERNAMA

Helikopter dengan empat individu terhempas di Arizona

MOSCOW, 3 Jan. - Sebuah helikopter terhempas di kawasan pergunungan berhampiran Phoenix di negeri Arizona, Amerika Syarikat (AS), dan operasi mencari dan menyelamatkan sedang dijalankan, menurut pihak berkuasa AS, lapor Sputnik RIA Novosti.

Helikopter persendirian itu terhempas kira-kira 11 pagi waktu tempatan pada Jumaat, menurut Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) AS seperti dipetik oleh ABC News.

FAA yang menjalankan siasatan bersama Lembaga Keselamatan Pengangkutan Kebangsaan (NTSB), memaklumkan terdapat empat individu berada di dalam helikopter berkenaan.

Pejabat Syerif Daerah Pinal, juga dipetik oleh ABC News, berkata operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) sedang dijalankan dan pasukan penyelamat sedang berusaha untuk memasuki lokasi nahas yang terletak di kawasan pergunungan berhampiran Telegraph Canyon. Setakat ini, tiada kecederaan disahkan. - ©BERNAMA

Tentera Laut Diraja Arab Saudi atur kedudukan di Laut Arab bagi operasi anti penyeludupan

ISTANBUL, 3 Jan. - Tentera Laut Diraja Arab Saudi telah mengatur kedudukan di Laut Arab bagi memulakan operasi pemeriksaan dan anti penyeludupan, menurut jurucakap gabungan Arab pimpinan Arab Saudi pada Jumaat.

Mej. Jen. Turki al-Maliki menerusi platform X berkata langkah itu bertujuan memperkukuh pengawasan maritim dan melaksanakan tugas operasi bagi memastikan keselamatan serta kestabilan di rantau berkenaan.

Langkah itu merupakan sebahagian daripada usaha berterusan tentera laut Arab Saudi untuk melindungi laluan laut antarabangsa dan memerangi aktiviti haram. - ©BERNAMA

Zelenskyy umum perubahan kepimpinan Kementerian Pertahanan Ukraine

KYIV, 3 Jan. - Presiden Ukraine, Volodymyr Zelenskyy berkata pada Jumaat bahawa Timbalan Perdana Menteri Pertama, Mykhailo Fedorov, akan dilantik sebagai menteri pertahanan baharu, menggantikan Denys Shmyhal, lapor Xinhua.

"Saya telah memutuskan untuk mengubah format kerja Kementerian Pertahanan Ukraine. Saya mencadangkan Mykhailo Fedorov untuk menjadi menteri

pertahanan baharu Ukraine," kata Zelenskyy dalam ucapannya.

Beliau menyatakan bahawa Fedorov terlibat secara mendalam dalam isu berkaitan dron dan telah bekerja dengan sangat berkesan dalam pendigitalan perkhidmatan serta proses kerajaan.

"Bersama semua anggota tentera kita, kepimpinan ketenteraan, pengeluaran senjata nasional dan rakan-rakan

Ukraine, kita mesti melaksanakan perubahan dalam sektor pertahanan yang akan membantu," kata Zelenskyy.

Terdahulu pada hari yang sama, Zelenskyy melantik Ketua Perisikan Pertahanan, Kyrylo Budanov, sebagai ketua baharu pejabat presiden. Oleh Ivashchenko pula menggantikan Budanov sebagai ketua perisikan pertahanan yang baharu. - ©BERNAMA

Bali tingkatkan langkah promosi pelancongan berkualiti

JAKARTA, 3 Jan. - Pihak berkuasa Republik Indonesia di Pulau Bali merancang untuk memperketat pemeriksaan terhadap pelancong asing bermula 2026, termasuk penilaian keupayaan kewangan, tempoh penginapan dan aktiviti yang dirancang, lapor Xinhua.

Gabenor Bali I Wayan Koster memberitahu media tempatan pada Jumaat bahawa langkah itu adalah sebahagian daripada usaha untuk mempromosikan pelancongan berkualiti.

Beliau berkata tadbir urus

pelancongan Bali akan beralih fokus daripada kuantiti kepada kualiti, selaras dengan peraturan wilayah yang bertujuan memastikan pembangunan pelancongan yang lebih mampan dan teratur.

Bagi menilai keupayaan kewangan pelawat, beliau berkata pihak berkuasa akan memeriksa baki akaun simpanan pelancong asing bagi tempoh tiga bulan ke baki terbaharu.

"Satu aspek pelancongan berkualiti yang perlu dipertimbangkan ialah jumlah

wang dalam akaun simpanan anda sepanjang tiga bulan lepas," kata Koster.

Selain pemeriksaan kewangan, Koster berkata pelancong asing yang memasuki Bali juga dikehendaki memberikan maklumat mengenai tempoh penginapan dan aktiviti yang mereka rancang untuk dilakukan sepanjang lawatan mereka.

Menurut gabenor itu, Bali merekodkan 7.05 juta ketibaan pelancong asing melalui udara dan 71,000 lagi melalui laut pada 2025. - ©BERNAMA

'STRAIN' SELESEMA 'SUPER-K' AUSTRALIA CETUSKAN WABAK GLOBAL



MELBOURNE, 4 Jan. - Para saintis Australia berkata musim selesema 2025 yang mencatat rekod di negara itu telah mencetuskan kemunculan *strain* 'Super-K' yang merebak dengan pantas dan kini mendorong wabak global yang mencatat rekod.

Virus *subclade* K influenza A (H3N2) pertama kali dikesan di Australia dan New Zealand pada Ogos, lewat musim sejuk semasa musim selesema 2025 yang luar biasa panjang dan berlanjutan hingga musim panas. Virus ini telah dikenal pasti di lebih 30 negara di seluruh dunia, menurut pakar dari Australia's Peter Doherty Institute for Infection and Immunity.

Lebih daripada 427,000 pemberitahuan influenza direkodkan dalam Australia's National Notifiable Diseases Surveillance System pada tahun 2025, kira-kira 21 peratus lebih tinggi berbanding 2024, iaitu yang tertinggi sejak pelaporan nasional bermula pada 2001. Statistik rasmi menunjukkan 977 kematian direkodkan dalam sembilan bulan pertama tahun lalu.

"Virus *subclade* K telah mengalami *drift* dengan mengumpul mutasi dalam salah satu lonjakan permukaan virus yang dikenali sebagai *hemagglutinin*, menyebabkan virus ini mungkin kurang dikenali oleh

tindak balas imun yang terhasil daripada jangkitan atau vaksinasi terdahulu," menurut kenyataan Institut Doherty pada Disember 2025.

Walau bagaimanapun, data hospital dan klinik am Australia menunjukkan vaksinasi masih secara kasarnya mengurangkan separuh risiko lawatan ke doktor dan dimasukkan ke hospital akibat influenza.

"Walaupun virus influenza mengalami perubahan, vaksin terus mengurangkan komplikasi penyakit yang teruk dan kematian," kata Harry Stannard, seorang saintis perubatan dan calon PhD di Institut Doherty.

Pakar Australia telah mengemas kini dua daripada tiga komponen vaksin untuk musim Hemisfera Selatan 2026, termasuk komponen H3N2.

"Ia sentiasa menjadi satu perlumbaan untuk mengemas kini vaksin bagi memberinya peluang terbaik untuk mendorong tindak balas imun yang memberikan perlindungan berkesan semasa musim influenza kita pada tahun hadapan," kata Profesor Patrick

Reading, Pengarah Pusat Kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi Rujukan dan Penyelidikan Influenza di Institut Doherty.

Reading menyeru pelaburan berterusan dalam pengawasan, vaksin dan antivirus bagi mengurangkan penyakit teruk menjelang musim selesema pada masa hadapan. - ©XINHUA

103 maut akibat penyakit berkaitan cuaca sejuk di Rangpur, Republik Rakyat Bangladesh

DHAKA, 4 Jan. - Cuaca sejuk melampau mencetuskan peningkatan mendadak pesakit yang menghidap penyakit berkaitan sejuk di seluruh bahagian Rangpur, dengan 1,421 pesakit baharu dimasukkan ke Hospital Kolej Perubatan Rangpur dalam tempoh tiga hari lalu dan 103 kematian direkodkan dari 1 hingga 3 Januari, lapor United News of Bangladesh (UNB).

Pengarah hospital itu, Brigedier Jeneral Ashiqur Rahman, mengesahkan angka berkenaan pada Sabtu, sambil memaklumkan peningkatan ketara pesakit di wad perubatan dan pediatrik, dengan 37 kematian dicatatkan di wad berkenaan.

Pegawai Meteorologi Rangpur melaporkan suhu yang amat rendah di bahagian itu pada pagi Sabtu, dengan Saidpur di Nilphamari mencatatkan 10.5 darjah Celsius,

Panchagarh 10.6°C, Thakurgaon 10.7°C, Rangpur 11.2°C, Kurigram 11.5°C, Gaibandha 11.8°C, dan Lalmonirhat 12°C. Kabus tebal dijangka berterusan dalam tempoh lima hari akan datang.

Pegawai Bertugas Pejabat Meteorologi Rangpur, Mostafizar Rahman, berkata disebabkan kedudukan bahagian Rangpur yang berhampiran dengan Banjaran Himalaya, kesejukan dirasakan lebih ketara berbanding kawasan lain di negara itu.

Dalam tempoh tiga hari lalu, wilayah itu mengalami cuaca sejuk melampau akibat angin dingin dan kabus tebal. Kabus sederhana hingga tebal dijangka melanda kawasan utara dari lewat malam hingga waktu pagi.

Suhu pada waktu malam dijangka menurun sedikit manakala suhu siang hari kekal hampir tidak berubah. Perbezaan kecil antara

suhu siang dan malam menjadikan cuaca sejuk dirasakan lebih mencengkam, tambahna.

Pihak berkuasa berkata cuaca sejuk itu menjejaskan kehidupan harian secara serius, khususnya dalam kalangan komuniti berpendapatan rendah di sepanjang Sungai Teesta, Dharla dan Jamuna. Langkah-langkah turut diambil bagi melindungi ternakan, ayam itik dan haiwan zoo, termasuk pemberian suplemen vitamin serta menutup reban dan kandang.

Pegawai Bantuan dan Pemulihan daerah, Golam Kibria, berkata sebanyak 12,500 selimut telah diagihkan setakat ini dan Tk 48 lakh, kira-kira USD43,000 diperuntukkan bagi penyediaan pakaian panas di lapar upazila (daerah kecil pentadbiran) bagi mengurangkan penderitaan akibat cuaca sejuk. - ©BERNAMA



GAMBAR yang diambil pada 1 Julai 2022 menunjukkan penumpang di Lapangan Terbang Sydney di Sydney, Australia.

Pekerja maut dalam kejadian lombong runtuh di timur laut Australia

SYDNEY, 4 Jan. - Pihak berkuasa menemukan mayat seorang pekerja yang dilaporkan hilang selepas sebuah lombong arang batu runtuh di negeri Queensland, timur laut Australia, pada petang Jumaat, lapor Xinhua.

Operasi kecemasan dilancarkan bagi mencari seorang lelaki yang hilang susulan kejadian runtuhan di lombong bawah tanah di kompleks Curragh, lebih 600 kilometer di barat laut Brisbane di tengah Queensland, kira-kira 3 petang waktu tempatan Jumaat.

Pemangku Menteri Perlombongan Kerajaan Negeri, Tony Perrett, mengesahkan bahawa pasukan penyelamat menemukan pekerja berkenaan yang disahkan meninggal dunia pada malam Sabtu.

Beliau memberitahu Perbadanan Penyiaran Australia bahawa pasukan pakar bekerja sepanjang malam untuk menstabilkan kawasan kejadian dan mendapatkan akses ke lokasi mangsa.

"Malangnya, pekerja itu tidak dapat diselamatkan," katanya. Seorang lagi pekerja yang berjaya dikeluarkan dengan selamat pada Jumaat dibawa ke hospital sebagai langkah berjaga-jaga.

Tapak lombong Curragh dimiliki oleh pengeluar arang batu metalurgi Coronado Global Resources dan dikendalikan oleh Mammoth Underground Mine Management, yang dalam satu kenyataan berkata pihaknya akan memberi kerjasama penuh terhadap siasatan berhubung kejadian runtuhan itu. - ©BERNAMA

Korea Utara lancar peluru berpandu balistik ke arah Laut Timur

SEOUL, 4 Jan. - Korea Utara melancarkan sekurang-kurangnya satu peluru berpandu balistik yang tidak dikenal pasti ke arah Laut Timur pada Ahad, lapor Agensi Berita Yonhap memetik pihak tentera Korea Selatan.

Ketua Staf Gabungan memaklumkan pihaknya mengesan pelancaran berkenaan, namun tidak memberikan butiran lanjut. Korea Utara kali terakhir melancarkan peluru berpandu balistik ke arah Laut Timur pada 7 Nov 2025. - ©BERNAMA

Mexico rekod 936 gegar penghujung selepas gempa bumi bermagnitud 6.5

MOSCOW, 4 Jan. - Perkhidmatan Seismologi Kebangsaan (SSN) Mexico melaporkan sebanyak 936 gegar penghujung terjadi selepas berlaku gempa bumi bermagnitud 6.5, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Perkhidmatan Seismologi Kebangsaan merekodkan 936 gegar penghujung daripada gempa bumi bermagnitud 6.5 itu," menurut SSN dalam satu hantaran di platform X lewat Jumaat.

Pada Jumaat, Datuk Bandar Mexico City, Clara Brugada melaporkan 12 individu mengalami kecederaan di ibu kota itu susulan gempa bumi berkenaan.

SSN sebelum ini memaklumkan bahawa gegaran kuat bermagnitud 6.5 itu melanda negeri Guerrero di selatan Mexico. Gegaran turut dirasakan di negeri Morelos, Jalisco, Oaxaca, Tabasco. - ©BERNAMA

Pesawat bawa Maduro dari Venezuela mendarat di New York susulan operasi AS di Caracas

WASHINGTON, 4 Jan. - Presiden Venezuela, Nicolas Maduro dan Wanita Pertama Cilia Flores, dibawa keluar dari sebuah pesawat di New York pada Sabtu selepas dipindahkan secara paksa ke Amerika Syarikat (AS) susulan operasi lewat malam oleh AS di Caracas, lapor Anadolu Ajansi memetik media tempatan.

Menurut laporan media AS, Maduro dan Flores dijangka dipindahkan dengan helikopter ke sebuah penjara yang terletak di luar

Bandar Raya New York.

Rakaman yang disiarkan oleh media AS menunjukkan Maduro dikelilingi pegawai penguat kuasa undang-undang ketika diiring keluar dari pesawat di Pangkalan Pengawal Kebangsaan Udara Stewart, manakala Flores tidak kelihatan dengan jelas.

Pasukan AS menahan dan menerbangkan Presiden Venezuela Nicolas Maduro bersama isterinya pada awal Sabtu dalam satu operasi dramatik yang dijalankan pada waktu malam,

menurut pengumuman Presiden Donald Trump, yang menyatakan bahawa AS akan mentadbir Venezuela sehingga satu "peralihan yang selamat, wajar dan berhemah" dapat dilaksanakan.

Pengkritik memberi amaran bahawa operasi itu melanggar undang-undang antarabangsa, membelakangkan Kongres serta berisiko mencetuskan ketidakstabilan lanjut di seluruh Venezuela dan rantau berkenaan. - ©BERNAMA

Penduduk asing merangkumi 9.5 peratus golongan 20-an di Jepun

TOKYO, 4 Jan. - Penduduk asing merangkumi 9.5 peratus daripada golongan berusia 20-an di Jepun pada 2025, meningkat lebih dua kali ganda berbanding 4.1 peratus pada 2015, menurut analisis Agensi Berita Kyodo terhadap data kerajaan yang dikeluarkan pada Sabtu.

Peningkatan itu menonjolkan potensi peranan penduduk asing dalam menyokong sistem kebajikan sosial Jepun, ketika negara itu berdepan penyusutan populasi golongan muda tempatan.

Peraturan tersebut dijangka terus meningkat selepas kerajaan mengemukakan draf pelan kepada panel pakar untuk menerima

sehingga kira-kira 426,000 pekerja asing dalam tempoh dua tahun bermula tahun fiskal 2027, bagi menangani kekurangan tenaga buruh.

Berdasarkan data Daftar Penduduk Asas, jumlah penduduk asing berusia 20-an meningkat sebanyak 680,000 kepada 1.22 juta dalam tempoh 10 tahun sehingga 2025, manakala jumlah warga Jepun dalam kumpulan umur sama menurun sebanyak 1.03 juta kepada 11.64 juta.

Mengikut wilayah, Gunma mencatatkan peratusan penduduk asing berusia 20-an tertinggi iaitu 14.1 peratus, diikuti Gifu dan Ibaraki. Sembilan wilayah lain termasuk Tokyo, Osaka dan Kyoto

turut merekodkan kadar melebihi 10 peratus.

Penduduk asing semakin memainkan peranan penting bukan sahaja dalam pasaran buruh, malah sebagai penyumbang kepada sistem keselamatan sosial Jepun.

Secara keseluruhan merangkumi semua peringkat umur, penduduk asing membentuk 3.0 peratus daripada populasi Jepun pada 2025.

Sehingga akhir Jun 2025, kumpulan penduduk asing terbesar di Jepun adalah dari China dengan kira-kira 900,000 orang, diikuti Vietnam seramai 660,000 orang, menurut data berkenaan. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



MEMPROMOSI AMALAN GAYA HIDUP SIHAT



PROGRAM Bandarku Ceria memberi peluang kepada orang ramai untuk melakukan aktiviti berjalan kaki, berjoging dan berbasikal sambil menikmati suasana bandar yang tenang tanpa kesibukan kenderaan. Program ini juga turut disertai oleh para peniaga tempatan untuk menjana pendapatan serta memulakan tahun baharu dengan lebih positif dalam persekitaran yang teratur dan kondusif.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 Januari. - Hampir sedekad selepas pelaksanaannya, Program Bandarku Ceria Hari Tanpa Kereta terus relevan dan menjadi pilihan orang ramai untuk meluangkan masa hujung minggu bagi menjalani aktiviti riadah.

Kehadiran orang ramai pada program berkenaan sejak awal pagi menyerikan suasana ibu negara pada permulaan 2026 ini serta memeriahkan persekitaran kawasan berkenaan.

Pelbagai lapisan masyarakat dilihat memanfaatkan peluang berkenaan untuk melakukan aktiviti berjalan kaki, berjoging dan berbasikal sambil menikmati suasana bandar yang tenang tanpa kesibukan kenderaan.

Selain itu, penglibatan para peniaga tempatan yang menawarkan pelbagai produk makanan dan minuman secara tidak langsung menyumbang kepada pengukuhan ekonomi mikro serta memberi ruang kepada

mereka untuk menjana pendapatan serta memulakan tahun baharu dengan lebih positif dalam persekitaran yang teratur dan kondusif.

Program Bandarku Ceria mula diadakan pada 2 Oktober 2016, dengan beberapa batang jalan raya di kawasan Bandar Seri Begawan ditutup sementara untuk laluan kenderaan di antara jam 6.00 pagi hingga 10.00 pagi pada setiap Ahad.

Program berkenaan bertujuan untuk menghidupkan suasana ibu negara dan menjadikannya sebagai sebuah bandar yang

dinamik, *vibrant* dan unggul.

Selain itu, ia merupakan inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui beberapa kementerian dan agensi-agensi serta pihak yang berkenaan dengan hasrat untuk mempromosi gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu, ia juga bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan, membuka peluang kepada perniagaan secara kecil-kecilan (SME) serta mengurangkan jejak karbon

(*carbon footprint*).

Sambutan berterusan terhadap program berkenaan mencerminkan penerimaan positif masyarakat terhadap inisiatif pihak kerajaan yang memberi penekanan kepada kesejahteraan masyarakat dan kelestarian bandar.

Perkembangan tersebut juga menunjukkan potensi program seumpama berkenaan untuk terus diperkukuh sebagai inisiatif berterusan dalam usaha membentuk masyarakat yang mengamalkan gaya hidup lebih sihat dan menyokong persekitaran yang lebih lestari.

Barcelona tumpaskan Espanyol, Roma tersungkur di Atalanta

LONDON, 4 Jan. - Barcelona meledak dua gol dalam tempoh lima minit terakhir untuk menewaskan seteru setempat Espanyol 2-0 di Stadium RCDE sekali gus melebarkan jurang kepada tujuh mata di puncak LaLiga, lapor PA Media/dpa.

Pasukan kendalian Hansi Flick sebelum itu tampak bergelut ketika cuba meneruskan rentetan lapan kemenangan liga berturut-turut ke atas Espanyol, yang turut hadir dengan rekod lima kemenangan berturut-turut.

Pemain gantian Dani Olmo akhirnya memecah kebuntuan menerusi penyudah tenang sebelum Robert Lewandowski, yang juga dimasukkan sebagai pemain gantian, memastikan kemenangan Barcelona dengan gol pada minit ke-90, sekali gus meninggalkan mereka semakin

jauh di hadapan Real Madrid yang akan menerima kunjungan Real Betis pada Ahad.

Villarreal kekal di tangga ketiga selepas mencatat kemenangan 3-1 ke atas Elche, mendahului perlawanan menerusi jaringan awal Alberto Moleiro dan Georges Mikautadze sebelum Alfonso Pedraza mengesahkan kemenangan pada lewat perlawanan.

Di Serie A, Roma terlepas peluang untuk mara ke kelompok empat teratas selepas tewas 0-1 kepada Atalanta. Gol awal Giorgio Scalvini sudah memadai untuk membawa Atalanta naik ke tangga kelapan.

Juventus pula terpaksa berpuas hati dengan satu mata selepas seri 1-1 menentang Lecce di Stadium Allianz.

Pelawat mendahului menerusi Lameck Banda sebelum rehat separuh masa.

Weston McKennie menyamakan kedudukan buat Juventus selepas permainan bersambung, namun Jonathan David gagal menyempurnakan sepakan penalti ala Panenka apabila percubaannya diselamatkan, menyebabkan Juventus kekal di tempat keempat.

Dalam saingan Ligue 1, Lille menyaksikan rentetan kemenangan mereka berakhir selepas tewas 0-2 di laman sendiri kepada Rennes, dengan pertahanan Alessandro Ribeiro dilayangkan kad merah seawal minit ke-13 di Stadium Pierre-Mauroy.

Przemyslaw Frankowski dan Quentin Merlin masing-masing menjaringkan gol sebelum dan selepas rehat separuh masa

untuk mengukuhkan kedudukan Rennes di tempat keenam.

Lyon meneruskan usaha memburu kelompok empat teratas dengan kemenangan 3-1 ke atas Monaco, yang menamatkan perlawanan dengan 10 pemain selepas Mamadou Coulibaly dibuang padang 20 minit sebelum tamat, meskipun beliau terlebih dahulu menyamakan kedudukan sebelum rehat.

Pengurus Strasbourg, Liam Rosenior - yang hangat dikaitkan dengan jawatan pengurus di Chelsea - menyaksikan pasukannya mengikat Nice 1-1 di Allianz Riviera. Keputusan itu menyebabkan pasukan tuan rumah, Nice, terus kempunan tanpa sebarang kemenangan dalam lima perlawanan liga. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

DORONG DIRI MENJADI INSAN YANG LEBIH BAIK